Sa-malam juga ada Ahli Yang Berhormat mengatakan ia-itu pemberian ternakan lembu atau kerbau ini ia-lah bukan-nya hendak mengelokkan beneh atau baka ternakan yang ada di-dalam negara ini, tetapi sa-tengah² daripada mereka yang telah di-beri, mithal-nya bapak kerbau itu atau lembu yang menjadi beneh, tidak dapat di-tompang oleh orang² lain, dia sahaja punya kerbau atau lembu yang boleh berkahwin dengan kerbau yang di-berikan oleh Kementerian Pertanian. Jadi dengan itu elok-lah sa-kira-nya di-ulang kaji bagaimana chara kita hendak bagikan ternakan² itu kepada orang yang boleh bertanggung-jawab mengusahakan ia-itu baka² yang ada dalam kampung itu di-elokkan dengan beramai² menggunakan binatang² yang di-berikan oleh Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama itu.

Akhir-nya sa-kali, Dato' Pengerusi, saya suka hendak membawa perhatian di-muka 136 ia-itu berkenaan dengan

Perikanan. Di-sini, sa-bagaimana telah pun kita dengar, bukan sahaja kita berkehendakkan penyiasatan atau pun research dalam perkara ini—ini telah di-lakukan oleh Kerajaan dengan besaran² di-Melaka, tetapi patut-lah diadakan juga di-tempat² lain. Pada zaman yang lalu, sungai² kita, walau pun di-mana² di-dalam Persekutuan Tanah Melayu atau Semenanjung Tanah Melayu ini, boleh-lah di-katakan satu daripada tempat puncha-nya orang² kampung menchari lauk dengan sebab ikan-nya banyak—jenis-nya banyak, tempat lubok pun banyak, tetapi hari ini dengan ada-nya orang² kita menggunakan tuba dan *dynamite*, jadi banyak-lah ikan² yang menjadi lauk kapada orang² tua kita dahulu, sekarang tidak dapat lagi.

Jadi, ada-lah ranchangan ikan yang di-jalankan oleh Kementerian ini sangat-lah perlu di-perbesarkan, dan juga anak² ikan yang kecil itu dimasukkan ka-dalam sungai² yang dalam di-serata tempat dalam Malaya ini, kerana ada-lah ikan itu satu daripada makanan daripada orang² kita di-kampung² yang duduk di-tepi² sungai semenjak daripada zaman berzaman lagi. Maka dalam lima perkara ini, Dato' Pengerusi, saya harap, ia-itu Menteri yang berkenaan akan mengambil ingatan, kerana saya telah ditugaskan oleh penduduk² di-kawasan saya untuk berchakap di-atas perkara yang sa-macam ini, dan kalau tidak salah pada fahaman saya, Ahli² Yang Berhormat dari kawasan² lain juga telah pun berdiri di-sini berchakap di-atas perkara² ini juga, tetapi ada-lah di-antara perkara² itu, kepentingan-nya berlain².

Sekian-lah, Dato' Pengerusi, terima kasih.

Enche' Lim Pee Hung (Alor Star): Mr Chairman, Sir, I would like to speak on Co-operative Development Division on page 116. I wonder whether the Honourable Minister is aware that most members usually draw goods from the co-operative stores and re-sell them at lower prices in the market in order to raise cash to meet their other expenses. It is hoped that the Honourable Minister will give instructions

to the co-operative officers to keep an eye on this matter and stop such malpractices. It not only defeats the purpose of improving the living standards of the members but it also indirectly encourages overspending, resulting in the members being heavily indebted.

Next, I would like to speak on Research Branch, page 99, under which I note that a sum of about \$1½ million is being budgeted. This amount will be well spent if the Honourable Minister will look into the continuity of the research work carried out and see that it is not held in cold storage before the results are known, as has been the case in the past. Most research officers have their own favourite experiments on fruits, plants or trees and, before completing their work, they either leave the service or are being transferred, and there is no follow-up by the new officers, thereby wasting the time and money without achieving anything.

I would also like to congratulate the Honourable Minister on the campaign to grow more food, so much so, even the low-cost house owners in Tongkang Yard and Jalan Day in Alor Star have started planting padi in their own compounds. However, I really have my doubts as to the effectiveness of the campaign and have a feeling that there is a silent protest on the way and conditions of the land on which the house are being built.

Enche' Mohd. Zahir bin Haji Ismail (Sungai Patani): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan Bahagian Pertanian pada muka 96 dan 97. Yang Berhormat Menteri Pertanian, di-dalam sharahan Budget-nya, telah menyeru supaya di-tanam lebeh banyak lagi buah²an dalam negara kita ini. Yang Berhormat Menteri itu telah berkata bahawa buah²an saperti rambutan itu sangat sedap rasa-nya dan boleh di-industrializekan. Saya sangat² bersetuju di-atas perkara ini—saperti juga buah² lain saperti buah jambu, nangka, dan istimewa sa-kali buah durian. Buah durian ini, jikalau boleh kita buat jem daripada-nya, maka saya yakin dan perchaya jem durian itu

akan menjadi satu jem yang paling popular sa-kali. Buah mempelam juga tidak kurang mutu-nya daripada buah² mempelam yang kita dapati daripada India dan juga daripada Thailand; bumi kita pun subur dan boleh di-tanam pokok² mempelam itu. Hanya yang menyusahkan hati pekebun² itu ia-lah dengan kerana pokok² itu selalu di-serang oleh sa-jenis ulat yang memakan batang²-nya sa-hingga pokok² itu jatuh dan patah. Yang demikian akan membawa kerugian yang besar kepada pekebun² mempelam yang menanam pokok² itu. Sa-tahu saya, Pejabat Pertanian tidak dapat mengeluarkan sa-jenis ubat yang mustajab dan murah supaya dapat mengubati pokok² itu. Ada sa-tahu saya ubat² yang boleh di-gunakan, tetapi ubat² itu tetap tidak mustajab dan harga-nya pun terlalu mahal, dan chara² menggunakan-nya pun terlalu susah. Jadi, kita berharap-lah supaya Kementerian Pertanian ini dapat mengadakan ubat² yang murah dan senang supaya kita boleh menanam pokok² mempelam ini dengan banyak lagi.

Saperti yang telah di-tegaskan oleh Ahli² Yang Berhormat yang berchakap di-dalam Rumah ini, ia-itu sangat-lah di-kehendaki supaya kita menanam pokok² buah²an yang banyak supaya kita boleh mengindustrializekan buah²-an di-dalam negeri kita dan di-masokkan ka-dalam tin dan di-hantar ka-luar negeri. Tetapi, Tuan Pengerusi, yang mendukachitakan kita ia-itu ada kampong² kita yang kita dapati pokok² yang di-tanam-nya sudah pokok² tua, dan pokok² itu tidak mengeluarkan buah²an yang banyak dan menguntongkan. Ada pokok² yang begitu tinggi yang buah²-nya bukan-nya sahaja sadikit, tetapi susah pula hendak di-petek dan pokok² ini telah pun di-tanam, barangkali sa-ratus tahun dahulu, atau sa-ratus lima puluh tahun dahulu. Sekarang ini tuan tanah, atau pun yang dudok di-atas tanah itu, tidak mahu hendak menebang pokok² itu dan menanam pokok² baharu. Saya pun tahu bahawasa-nya pegawai² di-Kementerian ini sedang menjalankan usaha² yang banyak untuk hendak memujuk orang² ini bagi menanam pokok² baharu yang dapat mengeluarkan

kan buah² yang lebeh bagus sa-bagai mana rambutan jenis R 7, R 4 dan R 10 yang mengeluarkan hasil yang banyak dan lebeh sedap daripada pokok² yang telah di-tanam oleh datok nenek kita dahulu. Jadi, ini ada-lah satu perkara yang pelek. Saya telah membuat siasatan, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dalam perkara ini, maka saya dapati ada sa-tengah-nya tanah itu ada-lah dalam kuasa, ia-itu tuan tanah itu telah pun mati, barangkali 50 tahun dahulu, atau pun 100 tahun dahulu dan tanah² itu kechil, luas-nya hanya barangkali dua atau pun tiga relong. Tuan tanah yang mula nama-nya di-registerkan dalam grant tanah itu telah mati dan telah meninggalkan beberapa orang anak-nya lima atau enam, dan anak²-nya ini sudah pun mati dan tinggal-lah anak²-nya pula.

Jadi waris² barangkali telah sampai kepada chuchu² atau chichit-nya sa-hingga 30 orang. Yang demikian macham mana-kah kita hendak bahagikan tanah-nya itu yang sa-banyak dua relong atau 2 ekar ini kepada 30 orang. Sa-tengah waris² yang tinggal di-atas tanah itu barangkali 5 atau 6 orang, tetapi tanah itu maseh dalam nama nenek-nya dan waris² ini tentu-lah tidak ada keinginan hendak menebang pokok² lama ini menanamkan sa-mula, oleh kerana tanah itu bukan hak dia sa-orang, tetapi ia-lah di-kongsiikan atau pun dia kena membahagi²kan kepada waris² yang lain sa-banyak 30 orang lagi itu. Dengan demikian tidaklah dia hendak dapat galakan kerana dia itu tahu kalau sa-kira-nya dia menanam pokok² baharu barangkali waris² yang lain dapat menumpang makan bersama. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, perkara ini hendak-lah kita perbaiki, hendak-lah kita menchari jalan macham mana-kah kita hendak mengatasi-nya. Tuan Pengerusi, perkara itu ada-lah bersangkut-paut dengan ramai sangat orang² maka, Tuan Pengerusi, tidak-lah ada waris² yang ingin hendak pergi mengambil kuasa di-atas nama datok nenek mereka. Kalau sa-kira-nya di-bahagikan tanah itu barangkali dia akan dapat 2 atau 3 kaki sahaja sa-orang, jadi tidak menguntongkan kepada-nya,

sa-kira-nya ia minta kuasa. Belanja hendak mengambil kuasa itu lebih daripada harga tanah yang akan dipesakai-nya. Jadi memandangkan kerugian itu, Tuan Pengerusi, kita kena menchari jalan macham mana supaya tanah itu boleh salah sa-orang daripada waris² itu mengambil kuasa di-bahagikan kepada sa-orang supaya sa-orang itu memegang atau boleh memileki sa-keping tanah yang mempunyai economic value.

Tuan Pengerusi, satu perkara, pada fikiran saya, yang sangat menduka-chitakan dengan kerana Undang² Tanah atau pun Undang² Pembahagian Pusaka Kechil tahun 1955 mensharatkan, jika sa-kira-nya waris² itu orang² Islam, maka jika sa-kira-nya tanah itu tidak di-persetujui jual kepada sa-orang waris atau kepada 2 orang waris atau tidak di-setujui oleh waris² itu di-jualkan pada orang lain, supaya sa-orang lain itu dapat satu tanah yang mempunyai economic value, tanah itu kena-lah di-bahagikan mengikut hukum Shara' atau pun faraidz Khadzi. Jika ada sa-orang waris yang mati, dia tidak boleh-lah memberikan keredzaan, atau pun waris² yang tidak chukup umur itu tidak boleh memberi keredzaan, melainkan jika sa-kira-nya di-lantek satu orang di-namakan Nazir Amanah. Dan lazim-nya hendak melantek Nazir Amanah ada-lah menjadi kesusahan, yang demikian, Tuan Pengerusi, waris² itu pergi minta kuasa untok mempesakai tanah² itu atau sa-keping tanah itu kepada semua² waris mengikut hukum Shara' mengikut pembahagian Kadzi, kepada semua mereka itu. Jadi yang demikian berbalek-lah kita kepada sa-orang yang mempunyai tanah itu hanya chuma dua atau tiga jemba atau pun dua atau tiga relong.

Mr Speaker: Saya suka hendak bertanya di-bawah mana-kah Ahli Yang Berhormat itu berchakap?

Enche' Mohd. Zahir bin Haji Ismail: Tuan Pengerusi, saya tidak berapa dengar.

Mr Speaker: Di-bawah kepala mana?

Enche' Mohd. Zahir bin Haji Ismail: Dalam hendak menanamkan pokok², saya suka hendak menchadangkan . .

Mr Speaker: Perbahathan ini ada terhad kepada perkara² yang ada di-hadapan kita.

Enche' Mohd. Zahir bin Haji Ismail: Saya berchakap hendak menanamkan pokok² buah²an di-kampung².

Mr Speaker: Ia-lah saya tahu, tetapi di-bawah mana.

Enche' Mohd. Zahir bin Haji Ismail: Di-bawah bahagian pertanian muka 96 dan 97. Pokok² yang saya chakapkan ini pokok² yang tua di-kampung² tidak boleh di-makan buah²an-nya, jadi merugikan orang kampung kita, dan tanah itu tidak mendatangkan keuntungan kepada negeri.

Mr Speaker: Sambil lalu sahaja boleh-lah, jangan-lah panjang² sangat.

Enche' Mohd. Zahir bin Haji Ismail: Itu-lah fikiran saya, Tuan Pengerusi, supaya boleh kita atau pun Pejabat Pertanian ini menchari jalan menebang pokok² itu di-tanamkan pokok² jenis baharu saperti durian dan lain²-nya. Ini sangat-lah memberi faedah kepada orang² kampung.

Mr Speaker: Tetapi, kalau boleh, pendekkan-lah sedikit.

Enche' Mohd. Zahir bin Haji Ismail: Saya akan pendekkan. Saya hendak memberikan satu chontoh ia-itu ada sa-keping tanah No. 5170 luas-nya satu relong 367 jemba. Maka tanah itu telah pun di-bahagikan kepada 255,744 bahagian, dan satu daripada waris dapat 1,547 bahagian, dan luas-nya dia dapat lebih kurang 330 kaki persegi. Jadi berma'ana ia mendapat lebih kurang 11 kaki lebar dengan 30 kaki panjang. Jadi hendak tanam pokok apa pun ta' boleh. Yang demikian saya mengeshor-kan supaya Undang² Pembahagian Pesaka Kechil "Small Estate Distribution Ordinance 1955 Section 15/6" itu di-buangkan, supaya sa-imbang dengan tanah di-punyai oleh orang² bukan Islam ia-itu jika sa-kira-nya sa-keping tanah itu tidak boleh lagi di-pechah²-kan, di-rinchehkan sa-hingga tidak mempunyai economic value, maka

mengikut suka timbang Collector dia boleh menjualkan tanah itu supaya tanah itu ada mempunyai economic value.

Dan lagi Tuan Pengerusi, saya rasa hendaklah di-pindahkan Undang² itu supaya memaksakan waris² mengambil kuasa. Kalau sa-kira-nya waris² tidak mengambil kuasa, hendaklah di-serahkan kepada Public Trustee mengambil kuasa dan hendaklah Public Trustee mengambil kuasa tanah yang pada masa sekarang ini sedang terbiar sahaja. Yang demikian sa-kira-nya tanah mereka itu terbiar, tidak boleh di-tanamkan pokok². Maka tentu-lah tidak mendatangkan keuntungan² kepada orang² kita di-kampung² dan juga kepada negeri kita. Kalau sa-kira-nya kita berbuat demikian maka boleh-lah kita mengadakan satu ranchangan ia-itu satu kampung umpama-nya, kita tebangkan pokok² itu dalam kampung itu di-tanamkan sa-jenis pokok rambutan. Semua kampung itu kita tanam sa-jenis rambutan yang chukup luas-nya untuk hendak membuat satu industry, ia-itu membukakan satu kilang yang hendak tinkan rambutan, mithal-nya. Dan juga durian, kita boleh buat sa-macam itu sa-hingga boleh kita buat jem daripada durian itu dalam satu kampung dengan chara² co-operative dan besar²an sa-bagaimana yang di-buat oleh F.L.D.A. Jadi kalau sa-kira-nya kita teruskan pembahagian beneh² macham ini ia-itu 5 atau pun 6 pokok pada sa-orang, pada fikiran saya, Tuan Pengerusi, tidak-lah menjadi kesan yang besar. Tetapi kalau sa-kira-nya kita buat dengan chara besaran², satu kampung itu kita tanam satu jenis pokok, kemudian kampung itu boleh mengadakan industry mengeluarkan buah²an itu supaya kita boleh hantar keluar negeri. Sa-kian-lah ucapan saya, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Haji Redza bin Haji Md. Said (Rembau-Tampin): Tuan Pengerusi, saya juga ingin berchakap sa-patah dua di-sini bagi mengalu²kan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian. Pada mula-nya, saya tidak mengagak bahawa Kementerian ini dapat menyusun perbelanjaan

ini, kerana negara kita tengah di-konferantasi atau pun tengah di-serang oleh musuh, tetapi saya merasa lega manakala mendengar ucapan beliau, dan begitu juga pehak ra'ayat di-kampung merasa yang mereka telah di-bela dan di-pertanggung-jawabkan. Saya sa-kali lagi menguchapkan terima kasih.

Saya hendak menyentoh dua tiga perkara, Tuan Pengerusi. Yang pertama-nya, muka surat 130, Pechahan Kepala 13, S. 13, Penerbitan Buku² dan Majallah². Saya berasa tertarek hati di-sini bahawa penduduk² di-merata kampung tidak dapat penjelasan yang penoh walau pun Pembantu Pertanian mengadakan lawatan², tetapi mereka tidak dapat sambutan atau pun tidak dapat membacha dan tidak dapat gambaran² yang merupakan macham mana kemajuan pertanian. Saya perchaya, dengan ada-nya atau pun dengan tambahan perbelanjaan ini, dapat-lah pehak Kerajaan menambah buku atau pun menggambarkan macham mana kemajuan² yang telah di-adakan di-negeri² yang telah maju dalam pertanian. Saya merayu bersungguh² kepada Menteri Pertanian supaya mengadakan lebeh banyak lagi majallah² dan buku² supaya dapat mendi-²ayahkan petani² di-merata negeri ini, mudah²an dengan jalan ini dapat-lah kita merasa nikmat² bagaimana ranchangan² pertanian yang di-adakan itu.

Sa-perkara lagi, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap muka 131, Pechahan Kepala 17, Pertunjokan Pertanian dan Pelajar Peladang². Di-merata² daerah negeri saya, Kerajaan telah mengadakan pertunjokan hasil yang telah di-tanam atau pun telah di-buat oleh petani, tetapi malang-nya belum lagi penoh keperchayaan saya bahawa yang mereka itu puas hati. Sunggoh pun Kerajaan telah menilai dengan berbagai rupa, sama ada dengan kewangan atau pun cup atau pun lenchana bagi menilai kemajuan mereka, tetapi belum lagi puas hati saya kerana bahawa petani² itu tidak dapat membuat satu kenangan atau pun dengan nilai jasa dia itu dapat dia mengembangkan lebeh lagi. Saya berharap sangat kepada Kementerian ini supaya menukarkan penilaian itu kepada

satu perkakas yang moden atau perkakas pertanian yang boleh memberi kesenangan kepada mereka yang telah berjasa dalam pertanian.

Pada akhir sa-kali, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap di-muka surat 133, Pechahan Kepala 53, Perusahaan Ternak. Berkenaan dengan perusahaan ternakan di-negeri saya sendiri, Kerajaan telah mengadakan seteshen tempat memelihara ternakan ini, tetapi malangnya beberapa tempat itu tidak-lah memuaskan hati, kerana ra'ayat² di-kampung jauh daripada tempat seteshen. Yang pertama, saya menarek perhatian Kementerian ini supaya diasas balok di-mana tiap² kampung ada mempunyai padang² kerbau atau pun padang² lembu. Maka di-sini saya perchaya, jika sa-kira-nya di-baiki atau pun di-bela, di-potong kayu² yang besar di-dalam tanah padang kerbau itu, di-ganti dengan rumput, maka sangat menasabah-lah pula padang² itu dapat di-gunakan oleh orang yang berternak. Saya berasa tidak puas hati sebab sangat banyak dalam kampung, padang² ini telah di-jadikan kampung, telah di-minta kepada Kerajaan menghapuskan padang² ini supaya jadi kampung. Saya nampak dengan jalan ini kesudahannya tentu-lah penternak² tidak dapat membela ternakan-nya.

Ini-lah satu perkara, Tuan Pengerusi, saya menarek perhatian Kementerian ini supaya menyiasat sa-mula tiap² padang kerbau ini hendak-lah di-tugaskan kepada Pegawai² Haiwan supaya menyiasat-nya dan dapat menanam rumput² supaya sempurna kehendak ra'ayat² di-kampung. Sa-kian-lah sahaja.

Dato' Nik Ahmad Kamil (Kota Bharu Hilir): Tuan Pengerusi, saya menerima kaseh banyak kepada Tuan Pengerusi kerana membenarkan saya berchakap. Saya tidak-lah hendak mengambil masa yang panjang sebab kita telah dekat tiga hari berbahath atau beruchap dalam masaalah Anggaran Perbelanjaan Kementerian ini. Saya ada dua tiga perkara yang saya suka hendak bentangkan bagi timbangan pehak Kementerian, mudah²an akan menjadi faedah dan berguna pada masa akan datang.

Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ada-lah satu Kementerian yang menanggung-jawab yang besar untuk kemajuan meninggikan ekonomi negara kita. Pertama sa-kali, ekonomi orang kampung yang sa-bilangan besarnya daripada orang Melayu kita, dan lima bahagian: pertanian, haiwan, kerjasama, perikanan dan parit dan taliayer, boleh di-katakan bahagian yang lima sa-rangkai yang bersendirian satu²-nya dan bersekutu bersama² bertanggung-jawab untuk menyempurnakan dan melaksanakan polisi² Kerajaan kita yang di-tadbirkan oleh Kementerian ini.

Satu daripada tugas atau tanggungan yang besar Kementerian ini ia-lah melebeh²kan lagi barang makanan supaya kita boleh mencapai satu had atau keadaan boleh jadi cukup makanan di-negara kita ini. Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum, pehak Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa² Bersatu telah, semenjak tahun 1961 lagi, kalau tidak salah ingatan saya, menjalankan satu urusan mengadakan di-dalam beberapa negeri jawatan-kuasa negara untuk menjalankan pekerjaan bagi menchegeh kelparan. Tidak payah saya cherita panjang, tetapi siasatan daripada orang yang pandai mengatakan jumlah penduduk² di-dunia dalam tahun 2000 yang akan datang—Sekarang ini tahun 1964—kata-lah dalam 36 tahun lagi, akan jadi sa-kali ganda lagi. Sekarang ini di-katakan 3 billions, ma'ana-nya 3,000 millions, dalam 36 tahun lagi akan jadi 6,000 millions. Dan di-negara kita ini, kalau tidak salah ingatan saya, ra'ayat bertambah tidak kurang daripada 3.3 peratus pada tiap² tahun. Jadi sa-lain daripada kita ada niat baik hendak menolong negeri² lain yang tidak cukup makanan, di-negeri kita ini sendiri pun tidak cukup lagi, terutama sa-kali dalam masaalah beras, sebab beras ini ia-lah satu daripada benda yang menjadi makanan kebanyakan orang kita dalam negeri kita ini. Oleh sebab itu saya menerima dengan baik-nya segala akuan² pehak Kementerian hendak melebehkan lagi beras.

Saya suka hendak membawa perhatian Kementerian berkenaan dengan permintaan banyak daripada ra'ayat

hendak menambahkan lagi keluaran beras dengan jalan ajaran² atau tunjok ajar yang baik berkenaan dengan double cropping dan juga mengadakan pertolongan baja daripada pihak Kementerian. Saya faham di-bawah scheme Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua ada juga scheme memberi pertolongan baja, tetapi saya faham di-negeri saya dan juga di-Pulau Pinang tidak ada termasuk di-bawah scheme ini. Jadi, barangkali ada sebab yang tertentu. Tetapi saya harap kerana kita hendak menggalakkan kata² orang di-negeri saya tidak pandai atau tidak tahu akan faedah-nya menggunakan baja, ada banyak lagi barangkali harus tidak mampu hendak membeli baja sendiri.

Saya harap pihak Kementerian tolong-lah timbangkan boleh atau tidak melanjutkan scheme ini kepada negeri Kelantan mulai pada tahun hadapan. Kalau tidak dengan sa-penoh²-nya sakurang²-nya dengan sa-berapa yang patut. Sebab dengan jalan ini saya perchaya tentu-lah kita boleh dapat lagi pendapatan daripada bendang² kita. Dan lagi saya perchaya tentu-lah satu daripada jalan² hendak menambahkan keluaran beras, ia-lah apabila kita gunakan beneh² padi yang baik. Saya faham pihak penyelidikan di-bawah bahagian Kementerian Pertanian telah beberapa tahun menjalankan siasatan mencari beneh² yang bagus, dan saya dengar khabar satu macham beneh yang boleh di-katakan molek boleh tumbuh dan boleh berjaya di-Kelantan ia-lah beneh yang di-katakan "Anak Naga Dua". Saya harap beneh itu di-minta kepada pihak Jabatan Pertanian tolong-lah menggalakkan lagi ra'ayat menggunakan beneh ini, kalau mereka itu tidak ada beneh tolong-lah adakan beneh ini.

Lagi satu, saya suka hendak mengesorkan bagi timbangan pihak Kementerian ia-lah meluaskan lagi berkenaan dengan expansion services. Oleh sebab saya perchaya menerusi expansion services ini-lah peladang² kita akan mendapat sa-lain daripada mereka akan menerima faedah daripada tunjokan yang baik tentang chara² hendak menanikan tanah masing² tetapi menerusi

jalan itu-lah juga, mereka itu akan menjadi warga negara yang berguna pada masyarakat.

Di-bawah pertanian, akhir-nya saya hendak minta juga kalau boleh pihak Penyiasatan Tanah—Soil Survey—chuba ikhtiarkan untuk mendapat tahu apa-kah tumbuhan² yang boleh ditanam di-kawasan pantai² di-sebelah pantai timor. Saya kata macham negeri saya banyak-lah juga kawasan pasir yang boleh di-katakan tidak ada mengeluarkan apa² tumbuhan yang boleh menjadi berharga kepada masyarakat. Kalau boleh saya hendak minta timbangan Kementerian mengadakan survey tanah ini, tengok apa-kah tumbuhan² yang boleh di-tanam supaya menjadi faedah kepada negara kita. Semua ini di-bawah bahagian pertanian, di-bawah chawangan penyelidikan dan chawangan agronomy, Tuan Pengerusi.

Saya suka hendak menyentoh sedikit sahaja berkenaan dengan Parit dan Taliayer ia-itu S. 13 di-bawah Kepala Kechil 44, muka surat 133. Di-Kelantan saya mengaku telah banyak pihak Parit dan Taliayer menjalankan kerja² yang telah pun menjadi faedah dan akan menjadi faedah yang besar kepada ra'ayat di-sana, sa-bagaimana scheme taliayer di-Pasir Mas, 1,500 ekar lebeh dan di-Lemal. Bila habis peringkat yang ketiga, saya faham tidak kurang 20,000 ekar lebeh akan mendapat faedah daripada scheme parit dan taliayer ini. Tetapi saya minta juga kepada pihak Kementerian mengarahkan Jabatan Taliayer menyiasat, adakah boleh di-berikan pertolong ayer ka-kawasan² seperti di-dalam jajahan Machang dan Pasir Puteh. Saya sendiri ketahui waktu saya berkhidmat di-bawah Kerajaan Kelantan dahulu, ada juga beberapa scheme taliayer yang kechil² yang di-buat di-kawasan Pasir Puteh dan Machang tetapi tidak-lah meliputi kawasan yang besar yang boleh kita tanam padi. Saya perchaya ada banyak sungai² dan taliayer maseh ada yang boleh di-baiki di-sambungkan dengan satu scheme yang besar. Jadi, saya harap kepada pihak Kementerian tolong-lah mengarahkan Jabatan Taliayer, tolong siasat adakah boleh kita melanjutkan lagi pertolongan taliayer

kapada orang² yang hendak bertani di dalam kawasan² yang belum ada tali-ayer yang besar.

Saya suka hendak menarek perhatian. Sa-malam saya ingat di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Utara berkenaan dengan hendak membawa ayer keluar daripada kawasan yang lembah—drainage—bukan irrigation. Di-negeri Kelantan saya rasa ada banyak lagi kawasan yang lembah, ayer-nya itu bertakong yang tidak boleh kita gunakan bagi bertanam padi. Saya ingat, dahulu kita ada juga menjalankan siasatan tetapi kerana banyak sangat belanja maka tidak-lah kita jalankan. Di-sini pun saya harap minta pehak Kementerian tolong-lah mengarahkan Jabatan Tali-ayer, tengok bagaimana-kah kita boleh gunakan tanah² yang luas ini yang sekarang ini tenggelam menjadi tanah paya.

Di-bawah Bahagian Sharikat Kemajuan Kerjasama S. 13, Kepala Kechil 60, muka surat 135—Bahagian Kemajuan Kerjasama. Kemajuan Kerjasama ini saya chukup bersetuju sa-bagaimana kata sahabat saya dari Hilir Perak sa-malam bukan-lah perkara itu kita boleh paksa, perkara ini di-kehendaki ajaran dan pimpinan. Saya ingat belasan tahun dahulu waktu saya berkhidmat di-Kelantan sudah saya bawa kapada timbangan orang nelayan² di tepi pantai Kelantan supaya mereka mendirikan sharikat² kerjasama, tetapi ma'alum-lah orang² di-sana, mereka itu kaum tua—conservative—tidak mahu menerima perkara yang baharu. Tetapi sukachita, Tuan Pengerusi, saya menyatakan dalam sa-minggu dua yang lepas ini ada beberapa orang kenalan saya menulis surat kapada saya, minta tolong nasehat; menggunakan jasa baik saya supaya mereka boleh dirikan sharikat kerjasama nelayan. Saya sendiri tidak siasat lagi, ada-kah tidak di-sana tetapi orang yang menulis surat itu tentu-lah di-tempat itu tidak ada. Jadi ini saya harap pehak Kementerian Sharikat Kerjasama tolong memberi bantuan dengan jalan melebihikan lagi—membanyakkan lagi ajaran² di-negeri Kelantan berkenaan dengan faedah-nya sharikat kerjasama pada apa segi pun sama ada sharikat kerjasama nelayan

dan lain² lagi. Tetapi yang banyak saya faham sudah ada ia-lah sharikat kerjasama mengilang padi. Jadi kemajuan sharikat kerjasama ini saya fikir kalau di-asohkan dengan baik tentu-lah diterima dengan baik oleh ra'ayat dalam negeri kita sendiri. Sebab melalui sharikat kerjasama ini-lah kita boleh, dengan jalan ajaran dan susunan pekerjaan yang baik, meninggikan ekonomi orang² kampung kita.

Berkenaan dengan Bahagian Haiwan, Kepala S. 13, Pechahan Kepala 53, muka 133—saya hendak meminta pertimbangan satu perkara sahaja. Sekarang ini saya perhatikan, macham di-negeri saya itu, sudah ada pertolongan daripada pehak Bahagian Haiwan berkenaan dengan bapa lembu, atau lembu jantan supaya menjadi biak, menjadi baka yang baik, tetapi saya fikir, jikalau kita timbangan di-atas daging yang kita bawa daripada luar negeri, saya fikir elok-lah bahagian ini menyiasat, tengok ada-kah kita boleh buka dengan besar²an cattle farming—ternakan lembu kerbau dengan besar²an dengan jalan orang, atau ra'ayat di-kampung itu mendirikan sharikat kerjasama dengan mengeluarkan modal. Jikalau kita dapat jalankan satu scheme yang sa-umpama ini di-serata negeri kita di-mana ada tanah yang baik yang boleh di-tanam dengan rumput² yang baik, saya fikir tentu-lah kita tidak mustahak pada masa yang akan datang, membawa masuk daging kan-negeri ini—daging² untuk makanan kita yang datang daripada Australia, New Zealand atau negeri² lain. Ini satu perkara yang akan mengambil masa sa-belum dapat di-laksanakan, tetapi saya fikir ini-lah masa-nya bagi kita menyiasat dahulu. Jadi, dalam perkara ini saya minta-lah pehak Kementerian ini tolong timbangan dengan sa-baik²-nya.

Yang akhir-nya, apabila saya bacha, tengok di-atas kemajuan² yang telah di-chapai oleh pehak Central Animal Husbandry Centre, Kluang, sukachita saya menengok report di-atas kejayaan-nya, tetapi ada-kah memada² dengan satu sahaja di-sana, sebab negeri kita ini sudah luas sekarang ini termasuk Sabah dan Sarawak. Jadi, saya fikir,

tidak-kah elok lagi supaya boleh menjadi kembang pelajaran ini, atau pun ajaran yang boleh di-keluarkan oleh sa-buah pusat atau centre yang sa-umpama ini bagi kita dirikan, atau adakan di-sabelah utara Semenanjung kita ini—sa-belah selatan boleh-lah kita gunakan bagi orang² yang datang daripada Sabah dan Sarawak, dan daripada selatan tanah besar Malaya ini dan juga di-sabelah utara, atau pun daripada Kelantan, atau Kedah—saya fikir di-Kelantan ada lebih baik sedikit, sebab orang² jauh hendak datang ka-sini. Jadi, ini boleh meliputi negeri² Kedah, Selangor dan Kelantan. Ini saya minta pehak Kementerian ini memberikan pertimbangan dengan sa-wajib-nya, sebab saya fikir sa-buah pusat yang sa-umpama ini sangat-lah berguna kepada peladang² kita dan petani² kita. Demikian-lah, Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih banyak, kerana memberi peluang saya berchakap di-atas perkara ini. Terima kasih.

Mr Speaker: Saya suka hendak memberitahu kepada Ahli² Yang Berhormat, ada-lah kita sudah berjalan tiga hari sa-tengah dan kita dapati baharu sampai pada Head S. 13. Jadi, Ahli² Yang Berhormat fikir, kalau ada sembilan hari lagi—itu tidak sampai sembilan hari lagi, kalau macham ini kita tidak akan habis. Masa yang telah sudah kita tidak dapat berbath dengan sa-puas hati, jadi dengan kerana hendak menjimatkan masa Ahli² Yang Berhormat juga, saya suka jikalau sampai pada pukul satu ini kita bahathkan perkara ini, dan pada pukul empat sa-tengah, kita tutup—kita beri Menteri² menjawab, tetapi tolong-lah, khaskan ucapan itu dengan tepat-nya kepada perkara yang itu sahaja—ta' usah-lah panjang² sangat, orang lain pun hendak berchakap.

Enche' Abdul Rauf bin Abdul Rahman (Krian Laut): Tuan Pengerusi, saya berdiri untuk bersama² memberi ucapan tahniah kepada Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama yang telah membuat beberapa rancangan dalam Kementerian ini sa-hingga menambahkan Anggaran Perbelanjaan ini lebih \$1,200,000 bagi perbelanjaan tahun 1965 ia-itu tahun yang akan

datang. Saya perchaya dengan anggaran dan rancangan yang di-buat oleh Kementerian ini boleh memberikan faedah kepada ra'ayat negeri ini, terutama-nya orang² yang dudok di-luar² bandar.

Sa-lain daripada itu, saya suka berchakap atas satu dua perkara. Pertama-nya dalam muka 131—Bahagian Pertanian. Sa-lain daripada memberikan ucapan tahniah kepada Kementerian ini, saya juga memberikan ucapan tahniah yang istimewa kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian yang telah bersusah payah membuat jasa untuk menchari satu mata padi yang menasabah, yang tinggi mutu-nya, yang boleh di-tanam dua kali dalam sa-tahun dalam tanah ayer kita ini. Jasa² itu telah berjaya, ia-itu mendapatkan satu mata padi yang bernama Malinja yang akan di-tanam dua kali sa-tahun dalam Tanah Melayu ini untuk memberi kelebihan pendapatan kepada ahli² tani.

Tuan Pengerusi, tujuan yang besar bagi Kementerian ini bersangkut dengan padi Malinja ini ia-lah di-umpamakan, jika sa-kira-nya padi² yang di-tanam pada masa yang sudah² mendapat 100,000 ton dalam sa-tahun, tetapi dengan ada-nya padi yang di-tanam dua kali sa-tahun ini, harus boleh mendapat 150,000 ton, tetapi saya suka juga mengingatkan kepada Kementerian ini, jangan-lah kita berpuas hati di-atas keluaran beneh² padi Malinja di-tanah² kita yang sedia ada, tetapi hendak-lah Kementerian ini berusaha dengan sa-daya upaya untuk membuka lagi tanah² sawah, atau pun bendang untuk di-tanam padi—mudah²an negeri kita ini tidak akan berharap kepada beras untuk makanan anak negeri ini daripada negeri luar.

Sa-lain daripada itu, saya suka berchakap, pada muka 132—Bahagian Parit dan Taliayer. Saya tidak-lah hendak berchakap berkenaan dengan taliayer, barangkali Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini tahu baik², ia-itu Jajahan Krian ia-lah satu jajahan yang mempunyai taliayer yang panjang dan yang besar, yang memberi ayer kepada 60,000 ekar tanah di-dalam

Jajahan Krian. Keadaan parit² yang ada ini sudah lama—itu terpulang-lah kepada Kementerian ini untuk memperelokkan-nya, dan bagi pehak pekerja² dalam Pejabat Taliayer didalam jajahan ini, atau pun dalam kawasan saya khas-nya, dalam Jajahan Krian 'am-nya, saya chuma dapat memberi puas hati, sungoh pun ada sadikit² kesilapan²; itu ma'alum-lah sa-saorang tidak boleh membaiki segala²-nya, mesti ada sadikit² kesilapan.

Tuan Pengerusi, rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara—kalau tidak silap saya, ada menyebutkan ia-itu Pejabat Taliayer ini apakala hendak membuat parit, dia mengambil tanah orang. Bila sudah di-beri membuat parit, duit untuk bayar tanah itu lambat di-bayar oleh Pejabat Taliayer. Demikian juga di-kawasan saya—selalu berlaku perkara ini. Saya harap apakala Pejabat Taliayer ini mengambil tanah² orang, hendak-lah di-bayar lekas supaya jangan orang bersungut menuntut kerugian.

Sa-lain daripada itu saya suka menyampaikan kepada pengetahuan Kementerian ini satu perkara, pada fikiran saya, patut di-siasat ia-itu didalam kawasan saya khas-nya, kalau tidak silap saya, 19 batu saloran taliayer atau "irrigation canal" yang melalui tanah² orang di-Krian, ma'ana-nya di-ambil tanah itu, kadang² orang itu ada tanah satu ekar atau dua ekar di-gunakan oleh taliayer suku ekar, jadi tanah orang itu tinggal tiga suku ekar. Bukan kata duit itu tidak di-bayar, chukai tanah itu pun tidak di-potong. Kalau hasil tanah itu satu ringgit, chukai ayer empat ringgit, jadi kena lima ringgit satu ekar. Chukai tanah itu tinggal tiga suku ekar atau pun kalau orang itu ada tanah itu dua ekar di-gunakan oleh pejabat taliayer, sa-tengah ekar tinggal tanah itu satu ekar sa-tengah, akan tetapi orang itu kena bayar hasil dua ekar juga. Jadi, di-sini banyak orang² yang bersungut dan rungutan² itu sampai kepada saya, itu-lah yang saya suka memberitahu kepada Kementerian ini untuk menyiasat perkara itu, jika sa-kira-nya boleh, tanah yang di-ambil oleh

Kerajaan itu, sama ada dalam tahun 1960 atau pun sa-belum daripada itu, tahun 1940 umpama-nya, kurangkan-lah chukai tanah yang di-ambil tadi supaya jangan orang itu membayar chukai tanah dan tidak menggunakan tanah itu oleh sebab telah di-gunakan oleh pejabat taliayer ini.

Sa-lain daripada itu, saya suka hendak berchakap, muka 135 berkenaan dengan Kemajuan Sharikat Kerjasama. Tuan Pengerusi, saya dapat tahu satu sharikat nelayan di-kawasan saya di-panggil Sharikat Nelayan Jalan Pantai, Kuala Kurau. Sharikat ini telah memohon kepada Kerajaan 78 ekar tanah di-luar kawasan parit dan taliayer di-Kuala Kurau. Permintaan itu, dengan pertolongan Yang Amat Berhormat Menteri, dengan jasa baik Menteri itu, telah dapat, tetapi apa yang menyedehkan saya sadikit, apakala kaum² nelayan itu berpindah ka-tempat itu membuat rumah sa-chara yang boleh, ayer laut selalu naik kasitu, dan saya harap-lah kepada Kementerian ini untuk menyiasat dan membuat bund atau pun benteng ditempat itu untuk mengepong kawasan yang 78 ekar itu supaya ayer laut itu tidak masok di-tanah itu. Jadi, 78 ekar akan dapat di-gunakan untuk menanam kelapa. Tetapi jika di-buat bund atau pun di-benteng, sudah tetap-lah tidak dapat di-adakan ranchangan hendak menanam kelapa itu. Saya berharaplah perkara ini Yang Berhormat Menteri akan memberi jasa baik-nya supaya tempat yang saya sebutkan itu dapat di-buat benteng, dan manakala telah di-buat benteng, maka saya perchaya satu masa nanti tempat itu akan menjadi tempat yang bagus atau tempat yang baik bagi pengkalan² orang nelayan yang menangkap ikan di-situ.

Sa-lain daripada itu, dalam muka 121, bahagian perikanan. Saya tidak berchakap atas perkara itu, Tuan Pengerusi, tetapi suka-lah saya menyampaikan kepada pengetahuan Kementerian ini, saya dapat sungutan² daripada kaum nelayan² di-kawasan saya yang tidak kurang daripada empat ratus orang, Melayu dan China dan juga orang India, yang bekerja di-laut itu bersungut bersangkutan

dengan pukat harimau. Kita sudah dapat tahu sekarang Kerajaan sudah membuat perchubaaan berkenaan dengan menangkap ikan dengan pukat harimau itu di-sabelah Perlis, kalau tidak silap saya, permintaan untuk mendapat lesen pukat harimau itu sudah pun di-majukan dan kalau permintaan ini di-luluskan maka sudah tentu-lah kehidupan kaum nelayan yang miskin itu akan terganggu disebabkan pukat harimau itu. Sungguh pun saya dapat tahu pukat harimau itu tidak boleh rapat ka-tepi, dia mesti ada lebeh daripada 15 depa ka-tepi ayer, walau pun begitu dia tidak peduli macham mana kita hendak tahu, kerana dalam surat khabar kita baca baharu² ini satu pukat harimau sudah sampai ka-tepi pantai, bukan-nya sa-dalam lima belas depa, tetapi sudah sampai sa-puloh depa ka-tepi pantai itu untuk menchari ikan. Jadi, dengan sebab itu saya berharap-lah kepada Kementerian ini berjaga²-lah perkara itu jangan-lah kita membela satu puak yang kecil, tetapi menyusahkan pula puak yang ramai.

Enche' Ong Kee Hui (Sarawak):

Mr Chairman, Sir, in the short time now available I only wish to make a few general observations on the Head of Expenditure under debate and to refer to a few specific items that appear in the Estimates under Head S. 13.

The House is asked to provide a sum of about \$17½ million for this Ministry. This does not, of course, include expenditure under development. To my mind, Sir, this is a modest sum to be expended on a Ministry on which the future prosperity of the nation is so dependent. I say this because, although industrial development will in the future become more and more important, agriculture will still remain the broad base on which our future prosperity will depend. I think, therefore, the \$17½ million is a modest sum when you compare this with the \$207,621,071 to be spent on the Ministry of Defence; and even if we exclude Heads S. 19 and S. 20, we still have a sum of some \$48 million to be expended on Education; under Head S. 21, \$10 million odd on the Ministry

of External Affairs; on the Ministry of Health a sum of \$115 million; and, finally, Sir, even on Prisons we are going to spend a sum of some \$15 million odd. Therefore, I think in view of this, the Head of Expenditure for the Ministry of Agriculture and Co-operatives deserves the attention of the House and various speakers have touched on various aspects of the provisions made and it would appear from the observations so far made that the criticisms aimed at the Ministry are not so much on sins of commission as on omission.

So far in the course of the debate there has been a great deal of pleading by various Honourable Members from various parts of Malaysia on behalf of their particular constituencies. As a Member of Parliament from Sarawak, I am naturally interested in the provisions in the Estimates so far as they concern the State of Sarawak. In this respect, Sir, there are not many items which appear in the Estimates, as much of the functions of the Ministry of Agriculture and Co-operatives rest with the State Government under its Ministry of Natural Resources and I, therefore, would take up questions on this particular aspect of the Ministry in another place. I would, therefore, confine myself to observations made on specific items which appear in the Estimates concerning this particular Ministry of Agriculture and Co-operatives. In this respect, Marine Fisheries has now become a Federal subject, and I am glad to note, Sir, that there is provision in the Estimates for the setting up of an organisation in Sarawak to carry out the functions of this division of the Ministry.

I refer, Sir, to page 128 on items 517 to 533; and concerning these items, I would like to ask the Honourable Minister how he intends to fill these various posts which have been provided for. Is he going to fill the posts by transfer or by recruitment of new staff? If new staff is to be recruited, will the local people be given a chance in the filling of these posts?

There are also provisions, Sir, under Subheads 109 to 112 on page 138 of

the Estimates for recurrent expenditure and under Subheads 171 to 173 on page 145 for special expenditure. These provide for the sums of \$47,210 and \$3,900 respectively. The recurrent expenditure provision is only for normal administration, apart from a sum of \$15,000 for the training of Sarawak fishermen. I will, therefore, ask the Honourable Minister whether he has any other programme or project, besides the specific items provided for in the Estimates, in mind, or is the staff he has provided for going to do nothing for one year. In this respect, I would like to commend to the Ministry's attention the urgent need for improving the lot of the Malay fishermen in Sarawak and the urgent need for resettling the *Heng Hua* fishermen who live under slum conditions in the capital city of Kuching and also the possibility of projects such as trawling for prawns off the shore of Sarawak. As these subjects are of little interest to Honourable Members from other parts of Malaysia, I will not trouble the House with details nor will I deliver a learned dissertation on prawn fishing in Sarawak on the lines given by one Honourable Member opposite, who gave us an enlightening lecture of fishing in Penang and Pulau Langkawi yesterday.

I will, therefore, conclude, Sir, by urging the Honourable Minister that something ought to be done in the field of trawling and fishing off Sarawak's coast, as according to one operator who is catching prawns in Sabah, his Japanese experts have told him that our Sarawak prawns are dying of old age because they are not caught.

Enche' Edmund Langgu anak Saga (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I rise to say a few words regarding Head S. 13, page 120, Co-operative Development in Sarawak. I know that one of my honourable friends from Sarawak has spoken something with regard to co-operative development in Sarawak yesterday. However, I would like to make further requests which may help this Ministry to find out some methods to solve our co-operative problems in some rural areas in Sarawak.

First, Sir, I would like to draw the attention of the Honourable Minister of Agriculture and Co-operatives to study the real co-operative situation in Sarawak, particularly in the rural areas where many unsophisticated people earn their living on padi only, which is not at all profitable to them. These people are hard working but they cannot find other ways of diversifying their economy besides padi planting. These people are poor in cash income, but most of them got some valuable belongings which are useless to them at the moment due to their economic ignorance that should be elucidated by means of co-operative movements. Some rural people, particularly the natives in Sarawak, cannot run even a small business like a village shop, padi mill, sago mill, animal rearing company, and the like. The reason is just because they are not taught about business organisations. I feel that necessary survey should be made by this Ministry to find out the reasonable requests of the rural people of Sarawak, so that some valuable solutions can be found out which may help our Government to put on a Malaysia show before the few C.C.O. members can play their part. In view of the facts, I appeal to the Ministry of Agriculture and Co-operatives to increase the amount of money allocated to co-operative development in Sarawak in order to meet some necessary requirements.

I feel, Sir, that the co-operative movements are the effective movements which may gradually fill some gaps between the "haves" and the "have-nots". Furthermore, I feel that co-operative movements are the weapons that we can use to destroy the communist movement and to prevent Indonesian propaganda from spreading over to the rural people in our country, particularly in Sarawak, which is close to the Indonesian border.

I would like to suggest that some people from the rural communities in Sarawak should be invited to Malaya so that they can see the co-operative developments and other things here. By so doing they can be encouraged to run

their own co-operative business in their rural areas in the near future. I think that by sending some of the community leaders of Sarawak to Malaya we will be helping them to be more sophisticated and helpful citizens. Thank you, Sir.

Orang Tua Mohd. Dara Langpad (Sabah): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil peluang berchakap dalam muka surat 125 berkenaan dengan Sekolah Perikanan. Sa-belum saya beruchap, terlebih dahulu saya ucapkan jutaan terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, kerana di-dalam tahun yang lepas penuntut² dari Sabah telah di-terima dengan baik-nya berlateh dalam Sekolah Perikanan, Malaya oleh Yang Berhormat Menteri. Ini merupakan satu galakan yang sangat² baik, sebab bukan sahaja penuntut² ini hanya mendapat kenikmatan, bahkan seluruh dunia suka makan ikan, saya fikir, tentu minta do'a kepada Allah supaya umor Yang Berhormat ini panjang dan dapat berkhidmat lagi dalam jawatannya sa-lama²-nya dan dapat menambah lagi hal Sekolah Perikanan di-seluruh Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, penuntut² dari Sabah dan Sarawak pada pendapat saya tidak usah-lah di-hantar ka-Malaya sebab kalau tiap² penuntut² itu di-hantar ka-Malaya, ini membanyakkkan belanja dan penuntut² pun tidak begitu banyak. Tetapi kalau dapat Kerajaan dan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan di-tiap² satu State patut di-adakan satu pusat persekolahan perikanan. Sebab pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, kalau tiap² satu State itu ada, tentu-lah penuntut² lebih banyak lagi yang tidak payah di-hantarkan ka-Malaya ini.

Tuan Pengerusi, saya merayu sa-kali lagi kepada Yang Berhormat Menteri supaya penuntut² yang telah lulus di-dalam hal tersebut, dapat di-berikan peluang untuk menjalankan perusahaan mereka, sebab kalau di-lambat²kan pertolongan kepada mereka itu, tentu-lah menjadi satu kelemahan kepada mereka yang hendak menuntut. Dan perkakas yang di-gunakan itu pun patut Kerajaan menolong kepada mereka, sebab sudah terjadi di-tempat saya, dua orang budak yang telah lulus

dalam hal perikanan dan mendapat sijil kelulusan, kata Kerajaan alat² penangkap ikan mesti-lah mereka sendiri membeli-nya. Jadi, kita juga mesti fikir bahawa mereka itu dudok di-dalam sekolah tersebut memakan masa 6 bulan, ada-kah Kerajaan beri gaji kepada penuntut² itu seperti gaji orang² office, kita suroh mereka beli perkakas dengan wang-nya sendiri pada hal kita ketahu² mereka baharu sahaja keluar daripada menuntut. Jadi pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, kalau Kerajaan tidak menolong kepada mereka, lebih baik tidak usah-lah Kerajaan adakan sekolah hal-ehwal perikanan ini. Sebab, Tuan Pengerusi, semua penuntut² itu ada-lah sa-bahagian daripada anak² orang miskin sebab kalau anak² orang kaya, mereka tentu menuntut di-tempat lain seperti di-Australia atau Jepun. Jadi, kalau dia sudah balek dari menuntut itu harus Kerajaan jadikan dia di-dalam pejabat itu sa-bagai officer sebab dia pengetahuan-nya lebih tinggi, jadi anak² orang miskin sa-lama²-nya menjadi hamba kepada anak² orang kaya.

Tuan Pengerusi, saya berchakap sedikit berkenaan dengan Pejabat Pertanian di-Sabah. Saya sangat² berasa sedih hati atas anak² negeri yang sudah berkhidmat memakan masa sa-kurang²-nya 10 tahun di-dalam pejabat tersebut. Mereka itu tidak di-jadikan sa-bagai officer atau ketua, tetapi orang² yang bukan anak negeri sentiasa mendapat jawatan officer atau ketua di-dalam pejabat walau pun orang itu baharu sahaja masok berkhidmat atau pun baharu datang dari negeri lain yang bukan pendudok Malaysia. Pada hal kalau kita ikut kata² Melayu ia-itu "alah bisa daripada biasa". Jadi, saya harap kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengkaji perkara ini. Begitu sahaja-lah ucapan saya, Tuan Pengerusi, hanya saya merayu sa-kali lagi kepada Yang Berhormat supaya rayuan saya ini dapat di-jalankan pada tahun akan datang ini juga, terima kaseh.

Enche' Sulaiman bin Ali (Dungun): Tuan Pengerusi, akhir-nya—kesudahan-nya berpeluang juga saya berchakap! (*Ketawa*). Saya telah menchuba tiap² hari tidak kurang daripada 10 atau 11

kali bangkit, terima kaseh, Tuan Pengerusi. Saya suka hendak mengambil kesempatan dan peluang bersama² dalam membahathkan anggaran perbelanjaan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama pada hari ini dan saya suka hendak menyentoh satu dua perkara. Saya rasa, walau pun telah ramai daripada Ahli² Yang Berhormat telah menyentoh soal² itu, tetapi ada perlu-nya saya ulang sa-kali lagi. Yang pertama, Tuan Pengerusi, saya suka menyentoh di-muka surat 94 di-bawah Penerbitan dan juga muka surat 96 di-bawah Bahagian Pertanian dan saya rasa elok kalau saya rangkumkan sa-kali kedua² butiran ini dalam ucapan saya.

Penerbitan, Tuan Pengerusi, saya faham dan boleh jadi apa yang dimaksudkan dengan penerbitan di-sini ia-lah penerbitan buku² khas—buku² yang mengandongi ilmu pertanian dalam bidang penyelidekan dan buku² yang saperti ini hanya dapat di-gunakan oleh sa-golongan; dan bagitu juga pelajaran pertanian yang di-maksudkan di-sini ia-lah pelajaran² yang bersijil bukan pelajaran sa-chara umum. Dari segi ini, Tuan Pengerusi, saya meng-ucapkan terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri di-atas pandangan-nya yang luas menurut jangka panjang, tetapi saya rasa jangka pendek tidak menguntungkan.

Yang Berhormat Menteri, dalam masa membentangkan anggaran perbelanjaan Kementerian-nya, telah menerangkan bahawa sa-nya salah satu dasar Kementerian-nya ia-lah meninggikan penyelidekan tanaman dan mengembangkan pelajaran tanaman di-tiap² peringkat dan untuk mem-baiki dan meluaskan latehan tanaman yang membolehkan mengguna sa-penoh²-nya faedah² dari sumber² teknik kemanusiaan untuk tujuan perkembangan pertanian yang sehat.

Tuan Pengerusi, saya rasa untuk melaksanakan tujuan mengembangkan pelajaran pertanian di-tiap² peringkat dan untuk meluaskan latehan tanaman, satu daripada-nya dan satu daripada kaedah-nya yang mustahak yang men-jadi perantaraan untuk tujuan ini ia-lah penerbitan dan pelajaran. Tetapi dari segi pertanian, Tuan Pengerusi, saya

rasa kejayaan Kementerian ini ada-lah bergantung bukan sahaja kepada pehak pegawai² Kementerian, tetapi ada-lah bergantung sa-bahagian besar-nya kepada kerjasama, kepada kesang-gupan, kepada keinsafan, kesedaran petani² dan orang ramai juga, Tuan Pengerusi. Jadi, petani², nelayan² dan mana² orang yang ada hubungan dengan Kementerian ini perlu-lah mendapat penerangan—mendapat penjela-san, mendapat tunjok ajar, mendapat nasehat daripada Kementerian chara² baharu, atoran² baharu, kehendak² baharu dan biar-lah kesedaran dan keinsafan, kemahuan dan kesanggupan petani², ini berada di-dalam aliran dan jurusan yang di-kehendaki oleh Kem-entorian sendiri.

Jadi, saya rasa, Tuan Pengerusi, penerbitan dan pelajaran pertanian ini perlu di-beri kepada orang² kampung, khas-nya kepada petani² dan nelayan² kita, dan chara melaksanakan tujuan ini, terpaksa-lah berkehendakkan pegawai² yang tertentu. Jadi, pehak Kementerian ini terpaksa-lah mema-kai dan menggunakan pegawai² khas. Dengan ada-nya tenaga Pegawai Per-tanian Negeri, Penolong Pegawai Pertanian Negeri, Pegawai Pertanian Muda di-daerah² ini tidak mencukupi untuk memberi kesedaran, pengeta-huan, tunjok ajar kepada orang² yang berkehendakkan pengetahuan dalam perkara ini. Jadi, saya suka mencha-dangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya Pegawai² Pertanian Muda ini di-tambahkan bilangan-nya, dan di-tugaskan mereka ini supaya lebeh berat lagi, lebeh banyak menumpukan masa-nya dengan memberi cheramah² dan kursus² kepada petani², kepada nelayan² dan anggap-lah Pegawai² Pertanian Muda ini sa-bagai Pegawai Penerangan Per-tanian. Ini pun saya perchaya, Tuan Pengerusi, dan saya mengaku bahawa sa-nya untuk melengkapkan pegawai² muda ini dengan ilmu² yang sa-layak, tentu-lah berkehendakkan dan meng-ambil masa yang panjang, tetapi jikalau pehak Kementerian ini dapat menjalankan perkara ini dengan serta-merta, maka saya perchaya menjelang tahun 1966 esok, perkara ini telah pun dapat di-jalankan.

Sementara itu, Tuan Pengerusi, tidak-lah menasabah kalau kita biarkan petani² dalam keadaan mereka sekarang menjalankan kerja², membuat pertanian, membuat tanaman menurut chara turun-temurun, maka saya suka juga mengusulkan supaya pihak Kementerian Pertanian ini dapat mengeluarkan risalah², atau pun nas-khah² yang di-tujukan kepada petani², nelayan², atau orang² lain yang ada hubungan-nya dengan Kementerian ini, khas-nya di-luar² bandar dan minta-lah kerjasama daripada Penge-lola Pelajaran Dewasa di-tiap² Negeri supaya guru² dewasa dalam masa mereka mengajar kepada pelajar² dewasa di-kampung², dapat-lah guru² itu menerangkan segala kandungan², segala isi-nya tentang risalah² yang di-keluarkan oleh Kementerian ini untuk faedah petani², nelayan² di-kampung².

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh berkenaan dengan hal muka 104 berkenaan dengan hal Parit dan Taliayer. Saya sendiri berasa bangga dan berasa megah bersama di-atas usaha² yang telah di-jalankan oleh pihak Kementerian dalam perkara mengadakan Parit dan Taliayer, kechil dan besar, untuk faedah pesawah², tetapi sa-lain daripada Parit dan Taliayer ini yang memberi faedah kepada petani² dan pesawah² ini yang memang berkehendakkan ayer, ada pula tempat² yang tidak berkehendakkan ayer, tetapi berkehendakkan parit. Dalam kawasan saya sendiri, Tuan Pengerusi, banyak tempat² yang tidak berkehendakkan taliayer, tetapi berkehendakkan parit, kerana ayer terlampau banyak—terlampau banyak sa-hingga ta' dapat hendak buat, atau tanam padi. Jadi, ini pun banyak saya dengar sungutan dan rayuan daripada orang² kampung supaya pihak Jabatan Parit dan Taliayer ini boleh memberi pertolongan supaya dapat mengadakan parit² untuk melarikan ayer² daripada tanah² sawah, daripada tanah² yang boleh di-buat, atau di-tanam padi. Jadi, kalau ada-lah, saya meminta, mithal-nya, kalau ada rayuan² daripada orang² kampung kepada Jabatan Parit dan Taliayer Negeri di-tujukan

kapada Jurutera mithal-nya, jangan-lah mereka menganggap soal ini soal kechil—anggapkan perkara ini perkara kechil. Sa-benar-nya kechil kalau di-bandingkan dari segi national, tetapi kapada orang² kampung, sa-bidang tanah ada-lah lebeh mahal daripada sa-buah negara.

Perkara yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh pada muka 116 berkenaan dengan hal Kemajuan Sharikat Kerjasama. Dari segi sharikat kerjasama, Tuan Pengerusi, ini pun saya puji langkah², usaha² yang di-jalankan oleh pihak Kementerian dan oleh pihak pegawai² yang berkenaan yang di-bawah-nya. Dengan tujuan ini, kita nampak pada hari ini dasar sharikat² kerjasama dari berbagai² jurusan berchambah tumbuh di-merata² tempat, di-merata² kampung, tetapi banyak pula yang kita dengar, Tuan Pengerusi, sharikat² kerjasama ini mati—ta' berjalan; hidup segan, mati ta' mahu—dan berbagai² lagi.

Pihak pegawai² sharikat kerjasama di-Negeri², kita nampak yang terus-menerus memberi galakan, memberi penerangan kepada orang² kampung, kapada orang ramai supaya menubuhkan sharikat² kerjasama dan sa-telah sharikat² kerjasama itu tertubuh, maka pegawai² ini telah melepaskan tangan—ta' ambil tahu; terpulang-lah kapada sharikat itu bulat² kapada pengelolaan, pengawasan, perjalanan dan pentadbiran—ahli², atau pun orang² kampung itu sendiri.

Tuan Pengerusi, kita tahu kalau di-bandar², di-pekan² besar, tidak-lah menjadi soal kapada pegawai² sharikat kerjasama yang tidak mengambil berat berkenaan dengan hal sharikat kerjasama, dengan sebab orang² di-bandar, orang² yang ada mempunyai pengalaman, orang² yang ada mempunyai kebolehan, orang² yang ada ilmu dan tahu mentadbirkan, mengelolakan dan menjalankan sharikat² kerjasama, tetapi di-kampung², Tuan Pengerusi, barangkali yang tahu hanya dua orang. Daripada ahli² sharikat kerjasama dan pegawai² yang mentadbirkan-nya, barangkali sa-ramai tiga orang yang tahu—orang yang faham

berkenaan dengan kelolaan, atau pentadbiran sharikat² kerjasama; yang tahu, barangkali Pengerusi, Setia-usaha dan yang ketiga-nya Bendahari. Ini sahaja, barangkali orang² yang tahu sedikit sa-banyak karinah², chara², atoran² bagi menjalankan pentadbiran sharikat kerjasama—yang lain itu pakai buta sahaja, dan dengan hal yang demikian, Tuan Pengerusi, jadi-lah sharikat kerjasama, untong nasib sharikat kerjasama itu sama ada maju atau mundur, hidup atau mati bergantung di-atas kejujoran, di-atas ihsan dan kasehan belas dari tiga orang pegawai itu—Ketua-nya (Pengerusi), Bendahari dan Setia-usaha. Kalau orang² ini betul² jujur—betul-lah; kalau orang² ini bengkok—bengkok-lah.

Dalam kawasan saya sendiri, Tuan Pengerusi, saya tahu benar² ada sharikat kerjasama dan ada sa-buah daripada sharikat kerjasama ini telah tidak bermeshuarat semenjak tiga empat tahun dan si-Bendahari sharikat kerjasama ini telah dapat membeli rumah² baharu, telah dapat membeli tanah², sedangkan sharikat itu hidup segan, mati ta' mahu. Jadi, manakala kita chuba berjumpa dengan pegawai sharikat kerjasama, bertanya apa macham kedudukan sharikat kerjasama ini. Apa yang dia jawab? "Saya ta' dapat apa² permintaan daripada ahli² sharikat itu sendiri supaya saya champor tangan". Ini benar, Tuan Pengerusi, saya tahu bahawa pehak pegawai sharikat kerjasama itu ta' boleh champor, kerana itu bukan harta dia—ta' ada kena-mengena dengan dia. Jadi, di-sini, Tuan Pengerusi, dengan sebab soal ini berthabit dengan sharikat kerjasama, kemajuan sharikat kerjasama ini ada-lah dengan anjoran dari Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama.

Jadi, sa-belum kita menganjorkan ini, kita mesti-lah menchari ikhtiar dan jalan menjamin hak harta orang² ramai yang buta, yang ta' tahu, yang terdorong, yang di-beri perangsang supaya bersama² dalam memadukan tenaga dan modal dalam satu² sharikat kerjasama. Kita mesti menchari satu jalan dan ikhtiar supaya boleh menja-

min hak orang yang masok modal, hak orang yang masok itu terselamat dalam mana² sharikat kerjasama yang mereka ini ta' tahu apa. Itu jaminan yang perlu dan penting sa-kali, kalau tidak kita buat sa-chara itu, barangkali sentiasa-lah sharikat kerjasama ini menjadi korban pada dua tiga kepala yang tahu memutarbelitkan chara² perjalanan ini. Jadi, saya sendiri sa-takat yang saya nampak ada satu dua chara yang kita boleh mengelakkan daripada keadaan² yang saperti ini dan boleh menjamin hak² ahli² yang buta itu dengan kita memberi sedikit kuasa, Tuan Pengerusi, kepada pegawai² ini, mithal-nya, kita beri kuasa kepada pegawai sharikat kerjasama ini, sa-olah² dia juga ada mempunyai kuasa sa-bagai pendaftar kepada sharikat² (company). Mithal-nya, dia boleh berkuasa menyebabkan supaya tiap² sharikat kerjasama itu di-adakan meshuarat-nya pada tiap² kali menurut tempoh² yang tertentu, dan juga kita boleh memberi kuasa kepada pegawai² ini supaya dia juga boleh memeriksa buku² kewangan sharikat, dan kalau di-dapati ada apa² songlap, ada apa² main pintu belakang, maka saya rasa dia terpaksa-lah membuat laporan kepada pegawai yang berkenaan untuk di-ambil tindakan dan perjalanan yang tertentu.

Jadi dengan ini, Tuan Pengerusi, dapat-lah memberikan jaminan dan galakan kepada ahli² yang sa-mata² turut bersama, kerana jaminan itu sangat perlu untuk menjamin kemajuan atau perkembangan Sharikat Kerjasama ini.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, saya suka berchakap berkenaan dengan hal muka 121, tentang Bahagian Perikanan, muka 125, Sekolah Perikanan. Jadi biar-lah saya chantumkan dua butir ini dalam perchakapan saya. Bahagian perikanan, banyak usaha telah di-jalankan dan banyak ikhtiar telah di-tumpukan, banyak nasihat telah di-hamborkan oleh pehak Kementerian dan pegawai² yang berkenaan untuk memajukan dan memperelokkan perusahaan perikanan. Tetapi sa-takat ini, Tuan Pengerusi, di-Pantai Timor di-negeri Trengganu,

di-tempat saya, kedudukan penangkapan ikan belum begitu berubah, ia-itu maseh lagi dalam keadaan saperti dahulu, ada sharikat nelayan yang di-jalankan tidak dapat bergerak. Jadi saya rasa ada satu ka'edah dan ada satu chara pehak Kementerian ini kalau betul² hendak menolong, khususnya kepada orang² Melayu kita di-luar bandar dalam usaha mereka berkenaan dengan menangkap ikan ini. Kerajaan jangan chuba memberi pinjaman wang, tetapi saya rasa lebih baik pehak Kerajaan ini atau pehak Kementerian ini sendiri dapat mengadakan alat² keperluan menangkap ikan, mengadakan, mithal-nya, pukat², mengadakan motor². Pukat² dan motor² ini di-sediakan oleh Kerajaan untuk memberi sewa kepada sharikat² atau pun kepada orang persaorangan, dapat di-sewa oleh orang itu dan sewa² itu saya fikir tidak-lah boleh kita tentukan sewaan itu. Kita boleh buat sa-tinggi² sakan banyak pada tiap² sharikat dan sa-rendah² menurut peratus, dengan sebab kita tahu banyak nelayan yang tidak mampu mengadakan alat² sendiri. Dengan jalan sewaan ini saya rasa kita dapat memberi pertolongan besar kepada nelayan² di-sewa-nya, biar-lah, mithal-nya mereka dapat \$100 sa-kali tangkap, dia kena bayar mithal-nya \$5. Ini satu chara yang saya suka menges-shorkan kepada pehak Kementerian ini supaya berikhtiar mengadakan alat² untuk memberi sewa kepada penangkap² ikan, sama ada kepada Sharikat Kerjasama atau pun orang persaorangan.

Sekarang, Tuan Pengerusi, di-Trengganu ada Sekolah Perikanan dan Pulau Pinang pun ada, tetapi soal-nya yang timbul atau perkara yang menjadi tanda tanya kepada mereka² yang keluar daripada Sekolah Perikanan itu ia-lah bagaimana kedudukan dan apa akan jadi kepada mereka itu.

Yang kedua, soal yang timbul: apakah kemajuan dan apa-kah perubahan yang dapat di-perolehi oleh pehak Kementerian dan Kerajaan khas-nya dengan ada-nya Sekolah² Perikanan. Ini pun satu soal yang saya rasa, Tuan Pengerusi, mustahak di-beri

perhatian dan di-ambil timbangan berat, kalau kita benar² berkehendakkan supaya soal perikanan ini dapat di-luaskan dan nelayan² dapat mengerti chara² yang baharu, chara² yang di-kehendaki oleh pehak penyelidekan dan sa-bagai menghargai pelajaran dan sedikit sa-banyak pengetahuan yang di-perolehi, maka hendak-lah mereka² yang lepasan Sekolah Perikanan itu di-jadikan sa-bagai saparoh daripada kakitangan Pejabat Perikanan di-negeri² ini dengan tujuan mendapatkan pertolongan mereka memberi penerangan dan mengadakan kursus², memberi cheramah kepada rakan² yang lain di-kampung² dan sa-bagai-nya. Dengan chara itu sa-chara tidak di-sedari, fahaman itu berkembang dan 'ilmu tangkap ikan dan sa-bagai-nya itu dapat di-sebarkan dengan sa-luas-nya. Saya rasa sa-takat itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kaseh.

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kaseh, sa-kali pun pada hemat saya, saya baharu dapat peluang berucap pada pagi ini, tetapi saya bertuah juga-lah kerana dapat peluang menyudahkan pekerjaan saya yang belum siap, yang pada hemat saya menyempurnakan pekerjaan saya yang belum siap pada masa akhir sa-kali ia-itu satu pekerjaan yang baik dan mulia.

Berchakap saya dalam S. 13, Kepala S. 1 ia-itu Menteri Pertanian. Saya rasa peruntukan Kementerian ini sa-banyak tujuh belas juta ringgit lebih pada tahun 1965 ini tidak-lah men-chukupi kepada Kementerian Pertanian. Jadi apa yang saya mahu dan saya minta pertimbangan bukan kepada Kementerian Pertanian dan Co-operative sahaja, tetapi juga kepada Kementerian Kewangan supaya pada tahun akan datang sa-kurang²-nya sa-kali ganda peruntukan yang ada itu di-beri kepada Kementerian Agriculture and Co-operative ini. Apa yang boleh kita buat kelebihan satu juta dua ratus ribu daripada tahun yang sudah² sedangkan kita tahu pejabat ini atau pun Kementerian ini satu Kementerian yang bertanggung-jawab kepada ra'ayat yang miskin, ra'ayat yang kurang ada.

Itu-lah harapan saya dan rayuan saya kepada Menteri Yang Berhormat menchari jalan menggunakan segala pengaruh-nya pada tahun akan datang supaya peruntukan Kementerian ini bertambah, bukan-nya bertambah satu atau dua juta, tetapi saya nyatakan, sa-kurang²-nya sa-kali ganda lagi maka baharu-lah Kementerian ini boleh mengamalkan hakikat dan tujuan-nya mengapa Kementerian ini di-tubuhkan.

Sa-lain daripada itu, saya suka memberi pandangan kepada Menteri Yang Berhormat ini ia-itu nama Kementerian ini pun patut di-fikirkan juga. Pada hari ini kita tahu ia-lah Ministry of Agriculture and Co-operatives (Kementerian Pertanian dan Sharikat Bekerjasama). Tidak-kah kita tahu dalam Kementerian ini juga ada Jabatan² yang lain: Taliayer, Perikanan dan Haiwan. Saya mengeshorkan kepada Menteri Yang Berhormat supaya nama ini di-ubah kepada Kementerian Perbekalan Ra'ayat (*Ketawa*). Dari segi 'ilmu jiwa. Tuan Pengerusi, saya perchaya pegawai Kementerian ini, baik dalam pertanian, perikanan, haiwan akan bekerjasama, menunjukkan kebolehan dan bakat bagi tujuan, bukan sahaja memajukan Kementerian tetapi memajukan ra'ayat yang tertumpu perhatian-nya kepada Kementerian ini, tetapi sa-kira-nya nama Kementerian ini sendiri telah membuktikan bahawa hanya pertanian dan kerjasama sahaja yang tersebut, tidak-kah jiwa kechil Jabatan yang berkenaan yang lain² itu ada tersinggong, tetapi di-hampakan oleh satu² sebab. Untuk mengemas dan memberi lebeh baik pergerakan² itu atau kerja besar yang saya sebutkan tadi, saya merayu-lah kepada Menteri Yang Berhormat kalau sa-kira-nya nama yang saya shorkan itu tidak di-terima, tetapi nama yang lebeh meliputi pada semua Jabatan yang di-bawah Kementerian itu boleh-lah di-chadangkan. Sa-panjang yang saya faham perubahan Kabinet yang baharu langsung ini pun telah berlaku Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Negara, tetapi nama ini, yang saya katakan, ada kait-mengait dengan usaha dan kemajuan Kementerian ini pada masa yang akan datang.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya beralah kepada Butiran (97), Pengetua, Maktab Pertanian, di-muka surat 98 dan dalam masaalah ini saya berjangkit dengan Kepala Kechil S. 13 tadi. Pada hemat saya, Maktab Pertanian ini bukan sahaja patut di-adakan di-seluruh Malaysia, tetapi apa yang patut kita kajikan supaya taraf Maktab Pertanian kita naikkan dan angkat menjadi sa-buah universiti penoh. Sudah kena dan tepat pada masa-nya Maktab Pertanian di-Serdang itu kita jadikan Universiti Pertanian di-Malaysia ini, bukan sahaja kita dapat mengurangkan pegawai² dan pelajar kita mengambil degree atau honours degree di-luar negeri, tetapi menaikkan nama Malaysia ini pada mata dunia. Sunggoh pun masaalah ini berat yang harus mengambil masa dan kajian, tetapi tidak-lah berlebehan kalau saya kemukakan pandangan dan shor saya kepada Menteri Yang Berhormat di atas chadangan mengkaji sa-mula kedudukan Maktab Pertanian itu supaya menjadi sa-buah Universiti Pertanian. Kalau masaalah ini tidak dapat di-buat dan di-lakukan masa ini saya shorkan kepada Menteri Yang Berhormat supaya Maktab Pertanian itu sendiri di-besarkan yang meliputi kesanggupan dan kemahuan kita kepada negara kita sekarang ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya mengalehkan pandangan saya kepada Pechahan Kepala 53, Perusahaan Ternak, muka surat 133. Saya berasa ini-lah perkara yang penoh minat hendak berchakap pada pagi ini. Sa-bagaimana yang saya tahu, 60 peratus lebeh ra'ayat Malaysia ini ada-lah terdiri daripada kaum tani dan orang-nya saban hari bekerja kerana pertanian, tanaman, perikanan dan sa-bagai-nya, dan daripada ra'ayat kita yang 10 juta orang ini, hampir² 90 peratus daripada semua-nya ia-lah makan daging, chuma sa-bahagian kechil daripada mereka itu yang tidak berkehendakkan daging. Dan sa-panjang yang kita faham kita maseh lagi membawa masok daging dan ternakan dari luar negeri untuk makanan ra'ayat negeri ini. Saya mengambil chontoh dalam Tanah

Melayu ini sahaja kita maseh berkehendakkan memasokkan makanan dari luar. Jadi apa yang saya tujukan dalam ucapan saya merayu kepada Menteri Yang Berhormat supaya mengkaji negeri Pahang ia-lah sa-buah negeri yang besar di-Tanah Melayu, daripada Gua Musang sampai ka-Kuala Lipis kita dapati maseh banyak hutan, padang yang besar dan sa-bagai-nya. Saya minta kepada Menteri Yang Berhormat menyiasat apa-kah yang elok di-buat kepada negeri yang penoh hutan ini. Kalau sa-kira-nya negeri itu tidak sesuai dengan perusahaan kerana kurang tenaga letrik, mungkin sesuai dengan perusahaan ternak. Kalau sa-kira-nya tidak sesuai dengan ternakan mungkin sesuai dengan pertanian.

Jadi, kita tahu, sa-bagaimana yang di-chakapkan oleh sahabat kita di-Melaka, tanah-nya sempit dan Yang Berhormat dari Sungai Patani mengatakan bahagian tanah 1/15 kaki, mari-lah buat pandangan kepada negeri yang maseh belum terbuka. Saya merayu kepada Menteri Yang Berhormat supaya menyiasat dan kaji untok kepentingan kita bersama. Apa-kah salah-nya perusahaan ternak kita adakan di-negeri Pantai Timor? Kita tahu sekarang ini kejayaan telah di-dapati di-Kluang. Apa-kah kita berhajat supaya semua negeri di-Malaysia ini sudah berjaya, maka baharu ranchangan itu di-hantar ka-negeri Pahang, atau semua meliputi alam Malaysia ini, maka baharu kita buat di-negeri Pahang? Kalau begitu keadaan-nya saya shukor dan baharu saya faham yang negeri Pahang ini negeri simpanan.

Saya tidak berchakap di-sini, Tuan Pengerusi, dengan perasaan hati saya memberatkan negeri Pahang,—tidak. Tetapi oleh kerana saya memikirkan kepentingan ra'ayat negeri kita sekarang 60 peratus daripada ra'ayat Malaysia sekarang ada-lah ra'ayat petani. Tanah kita ada, tempat kita ada, kalau tidak sesuai kepada perusahaan kita boleh berternak. Kalau tidak sesuai berternak, kita chari perusahaan bertanam, tidak sesuai juga apa ikhtiar kita supaya mensesuaian. Tidak chukup taliayer, kita masokkan taliayer; tidak chukup jalan, kita buat

jalan supaya sa-imbang keadaan antara sa-buah negeri dengan sa-buah negeri di-dalam tanah ayer kita ini.

Pada hari ini apa yang kita dapati ia-lah bantuan baka² lembu di-beri kepada petani² dengan jalan pawah. Saya menguchapkan terima kaseh, Tuan Pengerusi, daripada tidak, terima juga-lah. Dan boleh-kah dengan satu ekor lembu kita membaiki nasib kita? Ini memakan dua tahun baharu dapat. Sekarang ini saya merayu kepada Menteri Yang Berhormat, dengan rasa ikhlas, supaya dapat membaiki, kalau mustahak, kita masokkan sa-bahagian daripada ra'ayat negeri lain ka-Pahang membuka tanah. Kami tidak berbangga negeri ini untok kami. Mari kita sama² developkan, mari kita sama² majukan, supaya tidak ada pantai timor dan pantai barat. Saya maseh ingat pada masa Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan belum jadi Menteri, dia selalu membangkitkan hal Taiping sa-buah bandar yang di-tinggalkan menjadi Kepala Negeri, bagini, bagini, bagini. Pada hari ini sa-telah dia menjadi Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Taiping sudah jadi bandar industry. Juga Lipis, sa-buah bandar yang sama sa-nasib dengan Taiping, tetapi boleh-kah Menteri² yang lain menimbangkan sa-bagai kawasan yang boleh kita buka—kawasan dalam negeri itu di-bukakan.

Kemudian, saya berjangkit kepada masaalah lain, Tuan Pengerusi, ia-itu pegawai sharikat kerjasama. Bahagian sharikat kerjasama di-daerah saya sendiri sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh sahabat saya wakil Raub, ia-lah maseh kekurangan, saya aku² dan saya mengesahkan. Bukan sahaja pegawai sharikat kerjasama, pegawai taliayer pun kekurangan. Menjaga sa-buah district mewakili Jabatan Taliayer dalam meshuarat luar bandar hanya boleh di-hantar sa-orang Technician. Technical Assistant pun tidak ada. Jadi, sekarang kekurangan dua² pegawai—dua² jawatan yang saya maksudkan tadi supaya dapat di-tambah. Saya tidak hendak berchakap berkenaan dengan co-operative movement—pergerakan co-operative, kerana saya tahu—hantar-kan pegawai maka baharu-lah kita

boleh; sedangkan pegawai ini kurang di-mana boleh kita bergerak? Saya tidak hendak menyebutkan masa-alah² yang lain dalam perkara ini, tetapi pada pendapat saya, kita mesti banyakkkan pegawai². Jadi dalam masalah sharikat kerjasama ini, saya menhadangkan kepada Menteri Yang Berhormat supaya Maktab Sharikat Kerjasama di-Petaling Jaya itu di-buka kepada kaum wanita. Dan kita letakkan pegawai wanita dalam Maktab itu sa-bagai pegawai sharikat kerjasama. Kita tahu dalam pengalaman kita, dalam gerakan "Wanita Indah"—Women's Institute (*Ketawa*), kita tahu maju sekarang, sebab orang perempuan juga boleh tarek orang perempuan. Kaum sa-jenis dia juga yang boleh menarek jenis dia. Kalau kita banyak pegawai sharikat kerjasama daripada wanita insha' Allah, sharikat kerjasama ini bukan sahaja termasuk dari tiap² kaum perempuan tetapi akan masuk kepada tiap² kelambu dalam tiap² sa-buah rumah (*Ketawa*).

Dato' Haji Mustapha bin Abdul Jabar (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, perkataan "kelambu" itu saya tidak faham (*Ketawa*).

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Pengerusi, bersatu padu yang di-katakan itu ia-lah dari suami dan isteri (*Ketawa*). Tidak ada kekuatan yang boleh menghanchorkan kalau kedua²-nya itu berpadu. Kalau sharikat kerjasama ini mahu kuat masokkan semangat kepada wanita, kalau boleh yang suami-nya menjadi Yang di-Pertua, yang isteri-nya menjadi Setia-usaha (*Ketawa*). Itu-lah saya fahamkan supaya memasokkan ka-mana² sahaja, dengan jalan ini, saya harap Menteri Yang Berhormat lebih banyakkkan membuka peluang kepada kaum ibu dalam masalah ini. Saya fikir sudah cukup, Tuan Pengerusi, kalau sa-kira-nya apa yang saya katakan tadi dapat perhatian daripada Menteri Yang Berhormat, terima kaseh.

Mr Chairman: Persidangan ini ditempohkan sa-hingga 4.30 petang.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4.30 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

Debate resumed.

Head S. 13—

Mr Chairman: Oleh kerana nampaknya ada Ahli² Yang Berhormat yang hendak berchakap lagi, saya boleh beri lagi sa-tengah jam, ia-itu sampai pukul lima tepat. Jikalau ada Ahli² Yang Berhormat yang hendak berchakap lagi atas usul ini, tetapi tolong-lah berchakap sa-berapa pendek supaya dapat memberi peluang kepada Ahli² Yang Berhormat yang lain.

Enche' Aziz bin Ishak (Muar Dalam): Tuan Pengerusi, saya ada dua perkara sahaja yang saya hendak berchakap, ia-itu berkenaan dengan muka 93—Menteri Pertanian dan muka 121—Perikanan. Saya, Tuan Pengerusi, suka hendak meminta penerangan—hanya meminta penerangan dan penjelasan kepada Menteri yang berkenaan ia-itu sa-bagai-mana yang di-ketahui keadaan nelayan² terutama sa-kali di-pantai barat, khas-nya kawasan saya sendiri, oleh sebab ada-nya gangguan² dari perompak², atau pun penyamun² regime Soekarno, atau dengan sebab² confrontasi sekarang ini, kebanyakan nelayan² kita telah tergendala untuk hendak menchari mata pencharian melalui menangkap ikan di-laut Selat Melaka. Jadi, saya suka hendak tahu, apa-kah langkah² Kerajaan, terutama sa-kali langkah² Kementerian ini, untuk mengatasi keadaan ini, sama ada mengusaha untuk menchari jalan, atau mengikhtiarkan bagi mengalehkan sementara nelayan² ini ka-tempat² yang selamat bagi mereka itu, umpama-nya di-pantai timor, di-Sabah dan di-Sarawak di-mana tempat² yang di-dapati sesuai, atau tidak terancam dengan keadaan ini, atau pun menchari satu jalan untuk mengubah mata pencharian mereka itu dengan satu mata pencharian yang lain mengikut kemahuan nelayan² itu sendiri sama ada

di-galakkan, atau di-beri kemudahan kepada mereka untuk masuk didalam Rancangan Kemajuan Tanah yang sedang di-jalankan pada masa ini, atau pun lain² jurusan. Sunggoh pun saya dapati usaha² untuk menchegeh kejadian² rompak di-laut terhadap nelayan² ini telah pun di-usahakan oleh Kementerian, tetapi rasa saya sunggoh pun usaha itu telah di-jalankan, tetapi tidak-lah dapat di-atasi dengan baik-nya, dan maseh kita kedengaran yang perkara² itu di-lakukan oleh perompak² yang tidak bertimbang rasa itu. Oleh sebab dasar confrontasi ini, kita tidak tahu bila-kah akan habis, maka saya berharap kepada Kementerian ini akan mengambil perhatian yang berat atas perkara ini.

Lagi satu, saya hendak berchakap berkenaan dengan perikanan, ia-itu saya minta supaya Kerajaan menyelideki, atau pun menggalakkan orang² supaya menternak membela udang, atau kupang di-tempat² seperti di-tepi laut, kerana rasa saya, kalau Kerajaan mengusahakan hal yang sa-macham ini, tentu-lah nelayan² itu akan dapat berusaha dengan tidak pergi ka-laut yang jauh².

Lagi satu perkara, Tuan Pengerusi, dalam ucapan Yang Berhormat Menteri, ia-itu atas dasar Kerajaan untuk hendak menchukupi keperluan sendiri, saya sangat-lah bersetuju dan menyokong usaha², terutama sa-kali berkenaan dengan keperluan beras, tetapi saya suka bertanya kepada Kementerian ini, sunggoh pun usaha² ini telah berjalan sa-bagitu lama, atau sa-bagitu pesat-nya sa-hingga hari ini maseh juga beras maseh belum menchukupi dalam negeri kita ini. Jadi, saya suka bertanya kepada Kementerian ini dengan usaha² yang di-buat sekarang bagi menggalakkan usaha ini, boleh-kah Kementerian ini memberi anggaran satu masa yang tertentu, bila-kah tahun-nya, atau pun masa-nya yang negeri kita ini akan dapat menchukupi beras untuk keperluan negeri kita sendiri. Sekian-lah sahaja, terima kaseh.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil sedikit peluang untuk beruchap dalam hal² Kementerian Pertanian ini. Yang pertama saya berasa betul² megah, kerana usaha Yang Berhormat Menteri, ia-itu dalam ucapan-nya itu, saya memerhatikan di-situ, satu ucapan yang memandang ka-hadapan yang bersemangat dan juga bertanggung-jawab, yang sangat² tinggi, terutama sa-kali dalam usahanya berkenaan dengan hal hendak melebehkan lagi barang² makanan, dan juga raw material yang di-untokkan kepada industry kita. Yang ketiga, pandangan berat-nya terhadap meninggikan taraf hidup ra'ayat, terutama sa-kali ra'ayat di-luar bandar, maka saya sa-kali lagi menguchapkan satinggi² tahniah atas usaha²-nya itu.

Dalam permintaan-nya wang sa-banyak satu million lebeh itu, saya nampak Menteri kita telah menyediakan untuk menjalankan tugas² yang besar. Maka tugas²-nya saya pandang ia-lah satu tugas yang besar, terutama sa-kali saya tengok, lengkap dengan peranchangan-nya, planning-nya, research-nya dan juga penyelidekan dan marketing, kerana ini ada-lah perkara yang mustahak, Tuan Pengerusi, yang besar yang dapat menjalankan usaha² yang di-chadangkan dalam usaha Menteri kita pada masa dia memberi ucapan itu. Jadi, sekarang, Tuan Pengerusi, saya memandang apa yang telah di-buat oleh Kementerian ini, terhadap pak² tani, atau pun penternak² dan juga perikanan, saya nampak pada masa yang telah lepas tidak-lah chuma kita memberi puas hati sa-bagaimana kehendak² hati mereka itu sahaja, tetapi pada masa ini, saya tengok chadangan² dalam usaha Yang Berhormat Menteri tadi, ada satu pandangan yang luas dan saya perchaya perkara ini dapat kita buat dengan sa-chara besar²an, supaya pertolongan itu dapat memberikan taraf yang tinggi kepada mereka² yang menerima rancangan² itu, umpama-nya dalam Bahagian Pertanian, ia-itu dalam muka 132 ada meminta wang sa-banyak \$2 million lebeh, maka di-sini saya memandang

berat terutama sa-kali ranchangan yang besar² itu dapat di-adakan.

Pada masa ini, Tuan Pengerusi, kalau kita bandingkan di-antara negeri kita dengan negeri² yang maju, maka usaha² yang telah di-jalankan pada masa yang sudah² itu tidak-lah sesuai lagi—tidak memberi apa² faedah, tidak boleh memberi taraf hidup yang tinggi pada orang² yang menerima itu. Jadi, saya harap, negeri kita sekarang ada banyak lapangan² yang boleh di-buat sa-chara besar²an, sa-umpama padi, atau pun kelapa bali. Jadi, dalam hal ini, saya nampak banyak duit telah di-minta, ia-itu saperti pada pechahan kepala 23 sabanyak \$96,000 untuk usaha menyiasat hal berkenaan dengan tanah² dalam tanah ayer kita.

Ini rasa saya satu bahagian yang sangat besar ma'ana-nya, kerana dapat-lah usaha daripada Jabatan ini, dengan wang yang \$96,000 itu menyiasat tanah² kita dan di-plan atau di-ranchangan tanah itu dengan tanaman² yang di-buat sa-chara besar²an, ini saya perchaya akan memberi faedah yang besar lagi dalam usaha kita berkenaan dengan hal padi ini. Saya nampak di-negeri² kita ini ada tempat yang telah maju, tetapi di-negeri saya belum lagi chukup maju. Jadi pada masa yang lampau, Pejabat Taliayer ini dalam meshuarat² Pembangunan Luar Bandar yang saya ada hadhir, pegawai² chuma meranchangan menchari tempat² yang besar² sahaja. Saya dapati di-tempat² saya tidak dapat mengadakan ranchangan semacham itu sahaja kechuali dua tiga tempat yang memakan belanja yang banyak, maka tergendalah usaha² yang baharu ini dengan peruntokan wang yang banyak yang di-minta oleh Menteri itu.

Saya perchaya kita akan dapat menjalankan dengan lebeh giat lagi dalam usaha pertanian ini. Saya memandang, dapat di-usahakan dalam hal padi ini, di-negeri Pahang, mithalnya tiap² tahun di-sungai Pahang itu sentiasa bah. Jadi conservation atau menyimpan ayer yang besar itu dapat di-buat dengan mengadakan lengkongan menahan ayer dan di-gunakan

pada kemudian hari. Jadi, rasa saya, usaha ini patut dapat di-jalankan. Pada masa Dewan yang lama dahulu, saya ada membayangkan perkara ini tetapi usaha² ini belum lagi dapat di-timbangkan oleh Pejabat D.I.D. Ini satu usaha yang patut di-majukan. Bagitu juga di-tempat² yang kechil, pada masa saya bekerja dengan Kerajaan dahulu, saya ada melihat banyak kawasan² di-hulu² sungai, menaikkan ayer dengan kinchir, memberi ayer kapada sawah² itu, tetapi usaha ini sudah mati, tidak berjalan sekarang lagi. Jadi ini satu perkara yang sangat besar faedah-nya kapada negeri kita kalau kita dapat usahakan.

Berkenaan dengan ternakan, pada masa ini kita berikan sedikit² sahaja kapada pak² tani, saya memikirkan ini tidak memberi faedah dan tidak boleh meninggikan taraf hidup mereka. Saya perchaya pakar² kita boleh menasihatkan tentang perkara ini. Tentang modal rasa saya tidak susah, kerana kalau betul² atau sungoh², ada juga pak² tani kita yang ada wang sanggup bekerja macham itu.

Berkenaan dengan perikanan, Tuan Pengerusi, perusahaan perikanan pada masa ini saya pandang yang boleh juga memberi faedah besar ia-lah perikanan ayer tawar, di-tempat saya ada membuat, perusahaan ini tetapi chuma ada membuat sa-chara kechil² sahaja. Saya harap di-usahakan chara besaran², macham mana di-usahakan di-satu kampung dalam Bentong. Usaha² memberi nasihat kapada orang² kampung chara²-nya, menjalankan perusahaan ini. Saya juga tengok dua tiga family yang menjalankan usaha ini mendapat faedah yang agak lumayan. Saya harap usaha ini dapat di-galakkan kapada orang ramai supaya masok dalam perusahaan itu. Jadi dalam Kementerian ini kita adakan pertanian, kita adakan ternakan, kita adakan perikanan. Jadi saya nampak-lah dalam ucapan Menteri itu tadi ia-itu segala usaha yang di-jalankan itu di-simpulkan supaya bahan² yang di-keluarkan itu ada Marketing Facilities bagaimana ucapan Menteri kita dalam ucapan-nya tadi. Jadi ini, rasa saya, meliputi chadang²an Menteri tadi.

Dalam Marketing Facilities ini yang besar sa-kali peranan yang akan di-ambil ia-lah tidak lain dan tidak bukan ia-itu Sharikat Kerjasama dimana wang sa-banyak \$565,000 pada muka 135 telah di-minta. Sharikat Kerjasama pada masa yang lampau chuma menganjorkan Sharikat Kerjasama Pinjam-meminjam Kechil² di-kampong² sahaja, tetapi dengan ada usaha baharu saperti ini untuk mengadakan Marketing Facilities, maka bahan² pak tani dapat pasaran yang di-usahkan oleh Sharikat² Kerjasama. Di-dalam hal ini, saya perchaya, di-dalam Contribution pada Apek Bank ada di-anggarkan \$10 tetapi satu lagi yang patut pada fikiran saya di-buat ia-itu bank itu di-tukarkan nama-nya kepada bank ra'ayat. Bank ini boleh menolong, dalam tanah ayer kita ini, ada banyak Sharikat Kerjasama yang kechil² dan yang besar boleh yang mana modal-nya itu boleh di-masokkan ka-dalam Bank ini. Jadi rasa saya usaha ini dapat-lah bank itu betul² menolong segala Marketing barang² yang di-keluarkan untuk ranchangan yang di-buat oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Tetapi di-sini satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, mengapa orang² Melayu kita tidak berapa suka menjalankan Sharikat Kerjasama ini. Dalam penyiasatan saya dan pengalaman saya, saya pun dahulu ada mengambil bahagian dalam perkara ini, satu perkara yang sangat besar di-pandang oleh orang ramai, masharakat kita di-tanah ayer kita ini satu masharakat yang mahu untong daripada modal ia-lah dalam Sharikat Kerjasama ini Undang² yang ada menerangkan, chuma 6% dari ke-untungan berseh di-beri kepada share², maka ini tidak menarek hati orang² hendak masok Sharikat Kerjasama² ini. Kerana masharakat kita ia-lah masharakat yang mahu untong daripada modal. Jadi itu-lah rasa saya, kalau dapat di-pinda Undang² Sharikat Kerjasama ini, kalau dapat di-betulkan saperti Co-operative Movement di-Copenhagen, ia-itu keuntungan di-beri sampai 45%. Ini satu penarekan hati kepada orang yang mahu pada Sharikat Kerjasama ini. Sa-lagi Undang² itu tidak di-pinda, rasa saya, Tuan

Pengerusi, sa-lagi itu-lah Sharikat Kerjasama tidak dapat galakan atau pun penerimaan yang besar daripada orang ramai. Jadi saya berharap Kementerian ini dapat memikirkan dalam perkara ini supaya dapat timbangkan keuntungan daripada Sharikat Kerjasama ini dapat di-lebuhkan daripada 6% sampai 45%. Jadi rasa saya, meliputi-lah dalam empat perkara tadi dan saya berharap dan saya pandang, bagaimana ucapan Menteri Yang Berhormat itu, ucapan yang bersemangat dan ucapan yang memberi harapan yang besar sa-kali kepada pak² tani kita untuk menjalankan ternakan binatang², perikanan dan Sharikat Kerjasama. Jadi saya pandang pada masa yang akan datang ini chuacha cherah akan dapat memberi faedah kepada kita bersama.

Enche' Ali bin Haji Ahmad (Pontian Selatan): Tuan Pengerusi, saya ingin hendak berchakap dengan rengkas sahaja, ia-itu saya ingin menarek perhatian kepada S. 13 kepala 8 muka 130. Saya tidak tahu-lah barangkali sudah di-betulkan atau pun tidak; satu kesalahan kechil di-bahagian Pechahan Kepala 8 dalam bahasa Melayu yang bertulis Persatuan Penyelidikan Mengetin dan Menyejokkan Buah² dan Saylor². Akan tetapi dalam bahasa Ingeris-nya "Fruit and vegetable canning and freezing research station". Oleh itu dalam bahasa Melayu-nya harus pada pendapat saya ia-lah "Pusat" kerana "Persatuan" dalam bahasa Ingeris-nya ia-lah "Association".

Jadi, rasa saya ada-lah salah kalau mengikut pengertian perkataan "Persatuan" itu, lebeh sesuai dan lebeh betul kita pakai "Pusat". Dengan itu saya rasa itu-lah perhatian yang pertama saya hendak membetulkan kesilapan mengenai S. 13, Pechahan Kepala 8 tentang perkataan "Persatuan" itu.

Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap dengan sa-berapa rengkas, pertama sa-kali sa-lepas yang tadi ia-itu tentang S. 13, Butiran (40) berkenaan dengan Penolong Pegawai Penerbitan, muka surat 95. Saya rasa dengan rengkas sahaja patut-lah

risalah² yang di-terbitkan oleh Kementerian ini di-sebarkan dengan sa-luas²-nya. Sa-lain daripada itu, saya rasa elok juga kita gunakan Balai² Raya yang ada di-kampong² pada hari ini, kerana saya dapati tidak di-pergunakan dengan sa-luas²-nya. Jadi dalam hal menyebarkan risalah mengenai hal pertanian, ternakan dan sa-bagai-nya, maka elok risalah² itu di-beri kepada jawatan²-kuasa Balai Raya supaya dapat di-simpan di-dalam Balai² Raya dan dapat di-bacha oleh petani² waktu mereka itu lapang di-Balai Raya itu.

Saya pergi kepada muka 133, Pechahan Kepala 50, Mengawal Penyakit (Disease Control). Dalam masa perjalanan saya ka-kampong² ia-itu apabila hendak menggalakkan orang kampong berternak ayam itek dan lain², selalu-lah saya terjumpa apabila saya kata berternak banyak², katanya, sangat susah fasal penyakit. Kalau berternak ayam banyak, apabila datang musim penyakit, ayam itek habis mati dan banyak rugi. Saya kata kenapa tidak minta Pegawai Haiwan datang menyuntik ayam² itu, jawab-nya selalu-nya ubat itu tidak berapa mujarrab. Jadi di-sini ada dua kemungkinan, yang pertama sa-kali mungkin ubat yang di-pergunakan oleh Pejabat Haiwan tidak 100 peratus mujarrab di-dalam keadaan² tertentu di-kampong², yang kedua-nya—dan ini-lah yang saya bimbangkan benar, ia-itu takut² kalau ubat yang di-suntik kepada ayam² orang kampong itu bukan-lah jenis yang baik atau pun sudah di-“dilute”kan ubat-nya, dan kalau hendak yang baik terpaksa-lah ada sa-suatu pemberian yang khas kepada pegawai² yang berkenaan. Ini-lah yang saya takutkan, sebab selalu sangat saya berjumpa dengan ulasan² mengatakan ubat itu kurang baik dan kurang memuaskan; di-suntik pun kena juga sakit. Jadi kalau ubat itu kurang baik dari segi sains perubatan haiwan, maka saya harap perkara itu di-perhati dan di-baiki, kalau dari segi ubat itu kurang baik kerana orang kampong itu tidak membayar sa-suatu wang kepada pegawai yang tertentu, maka saya harap perkara ini dapat di-betulkan. Jadi saya harap Menteri

yang berkenaan supaya dapat memerhatikan perkara ini. Tetapi hakikat-nya yang pasti ia-lah bahawa selalu sangat saya terjumpa ulasan² daripada orang kampong walau di-suntik dan di-ubat pun penyakit ini berlaku juga. Hal ini kurang menggalakkan orang² berternak di-kampong².

Yang akhir sa-kali ia-lah perkara chara kita bertani. Daripada sekarang juga saya rasa sampai-lah masa-nya kita memikirkan chara bertani dengan chara menggunakan mesin ia-itu mechanisation of agriculture, sebab kalau kita beri baja yang baik sa-kali pun, tetapi capacity petani itu, mithalnya, dalam satu hari dia dapat men-changkul dalam 10-20 ela, tetapi kalau mechanisation dengan tanah yang satu ekar itu biasa-nya di-kerjakan dalam masa sehari² dengan jentera² maka pekerjaan itu dapat di-selesaikan dalam masa sa-kerat atau sa-hari sahaja. Jadi di-sini ada penyelamatan tenaga buroh dan penyelamatan tenaga buroh ini dapat di-gunakan untuk penghasilan yang lain seperti berternak atau sa-bagai-nya daripada menghabiskan masa yang sa-bagitu panjang untuk men-changkul atau sa-bagai-nya. Dalam jangka panjang-nya ini menambah productivity atau pun daya penghasilan sa-saorang petani itu. Kalau sekarang ini umum-nya sa-saorang petani itu daya penghasilan-nya kira² \$100.00 sa-bulan, maka dengan menambah productivity atau daya penghasilan itu mungkin hasil yang dapat di-chapai, kata-lah, dalam \$300.00 sa-bulan bagi petani².

Ada dua perkara ia-itu mungkin pada satu pekah tanah² yang ada pada petani itu sangat terbatas, tidak ada lagi tanah yang hendak di-ambil di-tempat² itu, tetapi dengan mechanisation maka dapat di-selamatkan tenaga petani² itu pada tanah-nya dan dapat di-salorkan tenaga-nya itu kepada berternak atau sa-bagai-nya, ia-itu dapat di-gunakan sa-lain daripada bertani dapat di-gunakan untuk “intensive farming” dan dalam hal yang lain². Mechanisation ini saya pun tidak dapat memberi fikiran yang jelas dan lanjut sekarang, sebab ini memerlukan penyelidikan bagaimana

mechanisation dapat di-jalankan dengan sa-chara besar²an di-negeri ini. Tetapi ini satu soal amat penting yang patut di-perhati dan di-selideki dari sekarang untuk menambah productivity dalam lapangan pertanian, perternakan dan sa-bagai-nya, terutama sa-kali dalam lapangan pertanian. Masaalah yang di-hadapi oleh Amerika tidak ada ya'ani masaalah kekurangan tanah, dan bagi Amerika mithal-nya "technical know-how" ada, modal ada, tanah banyak, dan kita di-sini menghadapi "technical know-how" satu daripada masaalah-nya, modal dan kekurangan tanah di-satengah² tempat. Jadi soal mechanisation in agriculture ini perlu-lah kita tinjau dari sekarang untuk jangka panjang bagi menambah productivity kita sa-bagai sa-buah negara mahu pun sa-bagai sa-saorang petani. Jadi saya rasa patut-lah Kementerian ini daripada sekarang mengadakan satu penyelidikan untuk meninjau—How far mechanisation in agriculture can be implemented in this country taking into consideration all the problems that are typical of this country—Sa-kian-lah sahaja. Terima kaseh.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, berchakap saya dalam muka 93, S. 13, Menteri Pertanian. Saya suka juga menarek perhatian Menteri yang berkenaan dengan keadaan dalam negeri saya ia-itu Perlis. Perlis adalah sa-buah negeri yang hanya 300 batu persegi luas-nya dan penduduk² di-sana boleh-lah dikatakan 90 peratus ada-lah bergantung kepada perusahaan pertanian, padahal-nya tanah² yang dapat di-usahakan bagi menjalankan pekerjaan padi hanya sa-banyak 60,000 ekar. Jadi memandang kapada hal yang tersebut dan sa-makin bertambah-nya penduduk negeri Perlis hari ini ia-itu lebeh daripada 100,000 yang mana nampak saya akan bertambah susah-lah bagi masa akan datang.

Jadi, dengan hal yang demikian saya merayu-lah kapada Kementerian yang berkenaan memikirkan bagaimana supaya orang² di-dalam

negeri Perlis pada hari ini dapat di-pindahkan kapada tempat yang sesuai kapada mereka itu ia-itu dengan mengadakan perusahaan pertanian atau tempat yang dapat di-tanamkan padi. Jadi sa-chara yang demikian boleh-lah mengelakkan orang² daripada negeri Perlis daripada kesempitan hidup yang mana makin sa-hari sa-makin bertambah banyak penduduk-nya.

Bagitu juga di-dalam negeri Perlis, perusahaan padi ada-lah bergantung kapada ayer. Maka ayer yang dapat di-gunakan dalam perusahaan padi di-negeri Perlis samata² ayer hujan, manakala ada hujan dapat-lah petani² mengusahakan padi dan apabila tidak ada hujan boleh-lah di-katakan habis-lah perusahaan² mereka itu. Ini bukan-lah berma'ana bahawa ayer tidak chukup dalam negeri Perlis memandang banyak-nya hujan, tetapi tidak ada tempat² untuk menakongkan ayer tadi supaya dapat di-bawa masuk ka-sawah². Jadi, saya merayulah kapada Menteri yang berkenaan supaya memikirkan satu jalan mendapatkan ayer ia-itu dengan menggunakan sa-jenis mesin dengan membawakan ayer daripada dalam tanah ia-itu saperti mana yang saya telah lihat di-negeri² yang lain ia-itu ayer, sa-lain daripada sungai, dapat diambil daripada bumi yang mana ayer itu di-naikkan daripada bumi tadi dapat-lah kelak di-bagikan kapada peladang² tadi. Dengan hal yang demikian akan mengelakkan penduduk² negeri Perlis ini daripada kesusahan pada hal dua tahun yang telah lalu orang² Perlis sangat-lah menderita kerana padi mereka tidak jadi. Dengan sebab itu saya merayulah kapada Menteri yang berkenaan supaya memikirkan bagaimana dapat membekalkan ayer kapada penduduk² negeri Perlis supaya dapat mereka itu menjalankan perusahaan menanam padi dua musim, bukan sahaja dua musim—saya tahu sa-tengah² tempat ada, sa-lain daripada Malaysia kita ini, yang dapat menanam padi sa-hingga tiga musim pada sa-tahun. Tetapi kalau dapat kita menaikkan ayer daripada bumi, saya

yakin dan perchaya chara² itu dapat-lah kita mengadakan perusahaan padi untuk tiga kali pada satu tahun.

Di-muka 121 ia-itu perikanan. Saya suka-lah berchakap dalam hal ini memandang kapada negeri Perlis ia-itu satu pantai yang sangat panjang—lebeh kurang 15 batu sahaja panjang-nya dan perusahaan² perikanan bagi nelayan² di-sana ada dua chara-nya pada hari ini, ia-itu orang² di-sana bekerja sa-bagai buroh di-dalam perusahaan belat pok dan yang kedua-nya daripada gulongan yang bekerja ia-itu di-pantai² saperti bubu, belat kechil dan sa-bagai-nya. Tetapi pada hari ini telah timbul satu masalah bahawa 'banyak-lah orang² yang bekerja menangkap ikan saperti bubu dan sa-bagai-nya, mereka berkata kapada saya, ini tidak-lah menchukupi memandang kapada kemajuan negara pada hari ini, tidak menchukupi perolehan untuk memelihara anak isteri mereka. Jadi, mereka telah menubuhkan sharikat kerjasama ia-itu di-satu tempat ia-itu di-Kuala Sungai Sanglang, tetapi alang-kah dukachitanya, perusahaan ini pun tidak dapat keuntongan, kerana di-negeri Perlis tersangat banyak belat pok. Maka perusahaan² saperti pukat dan sa-bagai-nya ada-lah merugikan kapada mereka itu, sebab banyak pukat² tadi boleh di-tarek bila kena tunggul² belat pok tadi pukat itu akan rosak.

Jadi, mereka itu memandang, Tuan Pengerusi, satu chara sahaja mereka berkata kapada saya ia-itu merayulah kapada Kementerian Pertanian supaya memberi peluang kapada mereka itu, masokkan orang² yang bekerja sa-bagai pekerjaan yang kechil² tadi, masokkan mereka itu di-dalam satu scheme yang sedang diranchangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian hendak mengadakan satu ranchangan ia-itu ranchangan pukat harimau di-Pulau Langkawi. Chara yang demikian dapat-lah mereka itu menumpang menchari makan dan memberi peluang-lah kapada mereka itu dalam perusahaan perikanan tadi. Dan bersabit dengan yang demikian juga mereka sangat-

lah berchita² sa-kira-nya mereka itu di-beri peluang untuk menjalankan perusahaan saperti pukat harimau, tetapi di-dalam negeri Perlis pada hari ini bahawa pukat harimau itu telah di-haramkan oleh Kerajaan negeri Perlis di-dalam perayeran negeri Perlis, maka dengan sebab itu-lah mereka merayu kapada saya supaya mengemukakan hal ini kapada Menteri yang berkenaan supaya memberi peluang kapada mereka itu masok di-dalam scheme baharu. Jadi sa-takat itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): rises.

Mr Chairman: Masa-nya saya beri tadi sudah sampai.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Tuan Pengerusi, saya, sa-kali pun, tidak dapat berchakap. Saya hendak berchakap pendek sahaja; daripada pukul 5.00 saya bangun tiap² kali tidak dapat berchakap. Jadi, Tuan Pengerusi, saya chuba-lah pendekkan ucapan saya. Yang pertama, saya sokong peruntukan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Saya, bagi pehak penduduk² kawasan saya, mengambil peluang menguchapkan sa-tinggi² terima kasih kapada Yang Berhormat serta pegawai²-nya yang telah pun berusaha dengan giat untuk memajukan kawasan saya khususnya mengenai tanaman padi dua kali sa-tahun, mengadakan parit dan tali-ayer dan ternakan yang telah banyak di-galakkan di-sana, juga menubuhkan persatuan², peladang.

Sekarang saya hendak berchakap di-atas pertanian. Yang pertama-nya, Tuan Pengerusi, oleh kerana kita sekarang ini menghadapi satu keadaan konfrantasi yang kita tidak tahu sa-lama mana-kah akan di-tamatkan. Oleh yang demikian, saya berharap supaya Kementerian ini menganjorkan bulan tanaman atau menambahkan bahan² makanan. Dengan ada-nya anjoran daripada Kementerian ini dapat-lah peladang² dan juga orang² yang bukan peladang berusaha di-atas tanah²-nya yang terbiar, menanamkan jenis² atau bahan² makanan sa-bagaimana pisang, ubi, jagong dan

lain². Juga menggalakkan mereka itu menternak apa juga jenis ternakan yang akan menjadi satu keuntungan bagi mereka itu. Dengan ada-nya persediaan yang umpama itu, sa-kira-nya perkara konfrantasi ini berlaku—berlanjutan dan keadaan-nya bertambah burok, maka dapat-lah orang² kita di-Persekutuan Tanah Melayu atau dalam Malaysia ini mengadakan atau menggunakan atau pun mendapat faedah² daripada tanaman mereka itu untuk sara hidup mereka pada masa kechemasan. Saya harap Kementerian ini mengambil perhatian dalam perkara ini supaya memberi galakan dengan sa-penoh-nya kepada tiap² warga negara berusaha menanam daripada masa sekarang supaya jangan jadi sa-macham mana kita berada dalam masa Jepun dahulu sehingga sudah mudzarat baharu-lah hendak tanam ubi dan lain-nya; buat kata orang tua², “sediakan payong sa-belum hujan”.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya selalu-lah di-tanya oleh petani² mengenai kaki-tangan Kerajaan. Kata-nya, mereka itu ada kesatuan² yang dapat membela diri mereka dan juga dengan pembelaan daripada kesatuan², gaji² mereka itu dapat di-naikkan, kemudahan² dapat di-berikan dan juga yang lain² dapat perubahan nasib atau kehidupan mereka itu. Tetapi malangnya kata petani², “kami ahli² tani siapa hendak membela nasib kami? Harga padi sa-macham lepas perang di-tetapkan \$15.00 sa-pikul, pada tahun sudah baharu-lah di-naikkan \$1.00 sahaja menjadikan \$16.00 sa-pikul”. Jadi, saya berharap pihak Kementerian ini dapat menaikkan harga padi daripada \$16.00 kepada \$20.00 sa-pikul. Kerana, ini ada-lah satu perkara yang sangat munasabah shor daripada saya ini, kerana kenaikan chukai di-laksanakan oleh Kerajaan akan menyusahkan orang² bertanam padi khas-nya. kerana memang-lah ahli² perniagaan hendak menjalankan pengaruh mereka itu atau di'ayah mereka itu, kalau benda² yang lain tidak naik pun di-katakan naik, sebab chukai naik, kena beli barang mahal sungoh pun barang itu tidak naik—di-bohongkan kepada petani² supaya dia kena beli

mahal. Jadi dengan sebab itu-lah patut timbangkan supaya harga padi itu di-naikkan sa-imbang dengan gaji kaki-tangan Kerajaan dan juga dengan kenaikan chukai dapat menggalakkan petani² berusaha dengan lebeh lagi untuk menambahkan hasil daripada tenaga mereka itu supaya pada akhir-nya bersendirian dari segi bijian² atau bahan² makanan.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, mengenai pasaran padi. Saya lihat di-Melaka nampak-nya lesen² beli padi itu di-beri kepada sharikat pasaran, atau sharikat kilang padi petani², tetapi malang-nya di-Perak dan di-Pulau Pinang sa-sudah di-beri lesen itu, di-tarek balek. Jadi, saya harap Kementerian ini dapat membuat satu kajian supaya dapat membuat satu laporan berpanduan kepada kejayaan yang di-chapai di-negeri Melaka dan di-sibarkan kepada tiap² negeri supaya lesen membeli padi ini di-beri kepada sharikat kerjasama yang mana semua ahli²-nya ia-lah terdiri daripada petani². Dengan chara ini dapat menghapuskan orang² tengah yang menggunakan tipu muslihat mereka itu, oleh kerana petani² ini kurang pelajaran—ta' mengerti hal ehwal perniagaan, maka di-exploitkan, kata bahasa orang puteh, di-atas kelemahan² petani itu. Dengan yang demikian di-harap bukan sahaja mengenai lesen membeli padi, bahkan juga perkara² yang lain pun di-beri juga lesen khas kepada peladang² untuk menguruskan hal membeli padi² itu. Dahulu-nya telah di-salah-fahamkan kepada pihak yang di-atas; konon-nya manakala di-beri lesen beli padi kepada ahli² petani maka di-katakan bahawa kilang² itu akan tidak di-beri padi. Ini memang-nya salah. Yang di-kehendaki ia-lah lesen membeli padi kepada petani². Petani² akan mengumpulkan padi² dalam kawasan yang ada itu, dan padi itu akan di-jual kepada kilang yang ada sekarang ini yang di-punya oleh orang² China yang tidak akan di-sentuh; mereka akan terus berusaha untuk mengilangkan padi² ini. Jadi, bukan-lah hendak menjahanamkan perusahaan orang² China yang ada kilang. Saya harap dapat di-fahamkan dengan tepat berkenaan dengan perkara ini.

Yang keempat, Tuan Pengerusi, muka 107—Chawangan Perusahaan Ternakan. Nampak-nya, bahawa chara persaoangan yang di-berikan pawah itu ada-lah maju, dan saya harap satu langkah lagi akan di-sediakan pada satu kawasan, katakan-lah 100 ekar di-tanam rumput² yang chepat naik, dan siapa juga yang ingin pawah, walau pun kaki-tangan Kerajaan, boleh membeli sa-ekor lembu betina, atau kambing, atau kerbau—serahkan kepada pengelola dalam kawasan itu yang mana di-bawah arahan dan nasihat Pegawai² Haiwan, dan bagi orang² yang duduk di-dalam bandar sa-kali pun, ada kerbau, atau pun lembu, atau kambing—pawah yang di-jaga dan di-kekelolakan oleh satu keluarga yang mana keluarga itu akan mendapat fa'edah daripada orang yang memberikan pawah itu kepada-nya.

Saya harap perkara ini dapat di-majukan sa-langkah di-tiap² daerah dengan di-adakan satu tempat yang samacham ini dan dapat-lah pada akhirnya menambahkan binatang ternakan kita supaya daging² ini ta' payah dimasukkan ka-dalam negara kita ini.

Yang kelima, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perikanan. Saya merasa terkejut manakala saya mendengar ucapan daripada Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri di-Telok Ayer Tawar yang mengatakan bahawa nelayan² ini ta' bersetuju, atau ta' mahu kepada kemajuan. Ini ada-lah satu perkara yang sangat² kita bimbangkan. Yang saya tahu, nelayan² ini apa juga benda yang boleh memajukan, yang boleh mendapat faedah kepada mereka sendiri, akan berusaha mendapatkan alat² untuk menangkap ikan, tetapi yang di-bangkang oleh nelayan² asli itu ia-lah mengenai pukut tunda, kerana pukut ini merosakkan mata pencharian mereka itu. Maka dengan sebab itu-lah mereka bangkang kepada pukut ini yang hendak merosakkan mata pencharian-nya, tetapi mereka tidak-lah menghalang sa-kira-nya pukut tunda itu pergi ka-laut besar, tetapi jangan-lah pergi di-tepi² laut yang boleh merosakkan mata pencharian mereka itu. Oleh sebab itu, mereka bangkang dengan sa-kuat²-nya di-atas usaha pukut tunda ini.

Baharu² ini Kerajaan telah pun membuat satu pilot scheme di-Pulau Langkawi, nampak-nya scheme ini tidak mendapat sambutan. Saya harap Kerajaan akan menjaga dengan sa-baik²-nya supaya jangan-lah orang² nelayan yang asal ini terancham mata pencharian mereka itu. Kalau pun hendak di-adakan apa juga perubahan, sa-barang perubahan yang hendak diberi kepada ahli² nelayan itu mesti-lah di-tumpukan kepada nelayan asli, bukan-lah di-tumpukan kepada nelayan² baharu yang duduk di-dalam bandar, kerana orang² ini chuma menerima upah sahaja sedangkan nelayan² yang asal itu tertinggal ka-belakang dan ada orang² yang mengaku bahawa diri mereka itu nelayan, kerana harga satu² pukut tunda itu memakan belanja sa-banyak \$25,000 sa-kurang²-nya. Mana-lah ada kemampuan bagi ahli² nelayan yang asal ini hendak mendapatkan \$25,000, melainkan pehak capitalist sahaja yang dapat menggunakan peluang ini untuk meng-exploit-kan supaya ahli² nelayan yang asal itu terancham mata pencharian mereka itu. Saya harap sunggoh² kepada pehak perikanan supaya memberikan nasihat kepada Yang Berhormat Menteri yang sa-baik²-nya bagaimana chara-nya hendak menaikkan taraf hidup nelayan² itu. Yang molek-nya, sa-bagaimana yang dilaksanakan mengenai Perkampongan Nelayan, dan ini satu ranchangan yang chukup baik dan patut di-adakan beberapa banyak lagi Perkampongan Nelayan di-pantai barat dan pantai timor, dan dapat-lah di-kekelolakan Perkampongan Nelayan ini oleh jawatan-kuasa dengan mengadakan sharikat kerjasama, mengadakan tempat mereka menjual minyak petrol, minyak disel, menjual jentera dan alat² perkakas menangkap ikan dan lain² chara bersendirian.

Saya harap dapat di-adakan ranchangan yang tegas untuk ahli² nelayan itu sendiri bagi mengelolakan dan mengawal serta memperbaiki nasib mereka itu dengan nasihat² yang berguna daripada pehak² yang berkenaan. Sekian-lah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Enche' Mohamed Khir Johari: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli² Yang Berhormat yang, pada 'am-nya dalam ucapan mereka itu, telah memberikan pujian terhadap Kementerian saya ini. Saya yakin dan percaya bahawa kata² yang baik itu akan memberangsangkan lagi pegawai² daripada atas sampai ka-peringkat bawah yang berkhidmat dalam Kementerian ini. Mudah²an mereka itu akan bekerja dengan lebih giat dan lebih bersemangat lagi pada masa yang akan datang untuk menjalankan tugas² yang di-tetapkan kepada mereka itu. Sa-bagai Menteri, saya ingat, boleh-lah juga saya tompang sedikit menerima pujian² yang di-berikan oleh Ahli² Yang Berhormat itu.

Sa-lain daripada itu, saya juga sungguh berasa bangga melihat banyaknya bilangan Ahli² Yang Berhormat yang berdiri mengambil bahagian di-dalam perbahathan bersangkutan dengan Kementerian ini sa-hingga sampai hendak bergaduh antara satu dengan lain, kerana berebut² hendak berchakap. Ini menunjukkan bahawa Wakil² Ra'ayat itu ada-lah sa-benar-nya sa-bagai Wakil² Ra'ayat; tuan² benar² bersimpati dengan keadaan penduduk² di-luar² bandar yang telah memilih tuan² sa-bagai Wakil mereka di-dalam Dewan yang berbahagia ini.

Kementerian ini ada-lah satu Kementerian yang bersangkutan-paut dengan ekonomi negara kita, dan dengan Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini mengambil berat dalam soal ekonomi negara kita ini, saya berasa penoh bahawa harapan yang baik memang ada bagi masa yang akan datang untuk negara kita ini. Dalam lawatan² saya ka-luar negeri, saya dapat melihat bahawa banyak negara² yang lain yang sedang rosak keadaan mereka itu dengan kerana penduduk² dalam negara itu telah menitikberatkan soal politik lebih banyak lagi daripada soal ekonomi. Sa-hingga saya dapati di-sa-tengah² negara yang saya lawati, boleh di-katakan 90% daripada masa dan tenaga mereka itu ada-lah di-habiskan dalam soal² yang bersangkutan

dengan politik, chuma ada balance-nya barangkali 10% sahaja, yang di-usahakan bersangkut dengan ekonomi.

Saya fikir jika sa-kira-nya kita dalam negara Malaysia kita ini dapat menumpukan 90% daripada tenaga dan fikiran kita untuk soal² ekonomi dan 10% sahaja untuk politik, maka dapat-lah kita memberi kebahagiaan hidup kema'moran dan kesenangan kepada ra'ayat kita seluruh-nya. Bagi pehak diri saya, saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga di-atas buah² fikiran, pandangan, nasihat dan juga tegoran² yang di-hamborkan oleh Ahli² Yang Berhormat sa-kalian. Dalam masa yang sengkat ini, tentu-lah saya tidak dapat menjawab satu persatu segala hujjah² yang telah di-kemukakan oleh Ahli² Yang Berhormat itu. Saya harap Ahli² Yang Berhormat tidak berkecil hati, tetapi saya memberi pengakuan dalam Dewan ini bahawa tiap² hujjah, tiap² buah fikiran dan tegoran yang telah di-kemukakan oleh Ahli² Yang Berhormat itu sudah pun di-chatitkan dan apa juga tindakan yang sesuai akan di-ambil dengan sa-berapa segera oleh Kementerian saya (*Tepok*). Insha' Allah apabila saya berhadapan dengan Ahli² Yang Berhormat pula dalam masa kita membahaskan belanjawan bagi Kementerian ini pada masa yang akan datang, pada masa itu saya berharap akan dapat memberi laporan kepada Ahli² Yang Berhormat di-atas tindakan² yang di-ambil terbit daripada shor² dan juga hujjah² yang di-buat oleh Ahli² Yang Berhormat sa-kalian.

Semenjak saya mengambil alih Kementerian ini, saya telah dapat menyusun sa-mula banyak jawatan² dalam Kementerian ini dan juga dapat saya kesempatan bagi saya mengikis segala karat² yang sudah ada lama dalam Kementerian di-bawah apa yang di-sebutkan aruah Menteri dahulu. (*Ketawa*). Dan dalam soal menjalankan ini, saya telah dapat sokongan dan kerjasama yang penoh daripada pegawai² saya, dan saya mengambil peluang dalam Dewan ini bagi mengucapkan terima kasih kepada mereka itu di-atas kerjasama-nya yang telah mereka berikan kepada saya.

Tuan Pengerusi, dalam perbahathan sa-lama 3 hari yang lalu berkenaan dengan Kementerian ini ada banyak Ahli² Yang Berhormat telah berchakap dalam soal kemiskinan di-kalangan penduduk² luar bandar, dan banyak juga yang telah menyentoh tentang pemasaran bagi barang² yang di-keluarkan oleh mereka itu. Perkara kemiskinan orang² luar bandar ada-lah perkara yang rumit, yang chuma boleh di-hapuskan dengan usaha yang tegas bagi meninggikan pendapatan mereka bukan sahaja dengan jalan menyediakan saloran² yang tetap dan harga yang berpatutan bagi barang² yang di-keluarkan oleh mereka itu, tetapi juga dengan menambahkan barang² yang di-keluarkan oleh mereka itu dengan menggunakan chara² yang baik, teknik² memproses yang modern, pengangkutan dan lain². Ranchangan² luar bandar ada-lah satu daripada chara bagi meninggikan taraf hidup orang² luar bandar itu. Kerja² extension services pertanian dan latehan² kepada kaum tani ada-lah juga menjadi satu chara yang lain bagi membaiki kedudukan tektik mereka itu. Tetapi chara yang lain ada-lah menguatkan Sharikat Kerjasama dan lain² badan di-luar bandar dengan jalan mana dapat mereka itu pinjaman dengan lebeh senang dan juga pertolongan² yang dikehendaki.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, Kerajaan semenjak beberapa bulan yang lalu, dengan pertolongan daripada sa-orang pakar daripada luar negeri, telah menitekberatkan soal menubuhkan sa-buah Lembaga Pemasaran Pertanian, dan sa-bagaimana yang saya terangkan terlebih dahulu daripada ini. Maka sekarang ini kita telah sampai kepada tingkat yang kita sudah pun menyediakan Rang Undang² bagi Lembaga itu, dan saya berharap apabila sampai masa-nya dalam Dewan Ra'ayat yang akan datang ini, maka dapat-lah peluang bagi Ahli² Yang Berhormat membahathkan Rang Undang² yang di-chadangkan oleh Kerajaan bagi menubuhkan Lembaga itu.

Saya fikir jalan yang baik bagi saya menjawab segala hujjah² yang telah di-kemukakan oleh Ahli² Yang Berhormat sa-kalian, ia-lah bagi saya

menyentoh satu persatu tiap² bahagian yang ada dalam Kementerian saya ini. Dengan jalan itu dapat-lah saya menjawab sadikit sa-banyak perkara² yang agak penting atau pun perkara² yang harus saya sendiri memberi keterangan yang lebeh lengkap lagi. Terutama sa-kali banyak Ahli² Yang Berhormat telah berchakap berkenaan dengan gerakan kerjasama, sa-hingga ada sa-orang Ahli Yang Berhormat telah men-chadangkan supaya pada tahun yang akan datang saya menumpukan sa-tengah daripada masa saya dalam Kementerian ini bagi memajukan gerakan kerjasama. Saya menerima shor yang di-buat oleh Yang Berhormat itu, insha' Allah saya berharap pada tahun yang akan datang, mulai 1hb Januari, saya akan chuba, kalau tidak sa-tengah pun, barangkali suku daripada masa saya akan gunakan bagi memajukan gerakan kerjasama dalam negara kita ini (*Tepok*).

Kemudian Ahli² Yang Berhormat juga telah berchakap menunjukkan berbagai² kelemahan yang memang sangat nyata dalam gerakan Sharikat Kerjasama dalam negeri kita ini, saya memang mengakui terus terang memang ada kelemahan² itu, dengan sebab itu-lah apabila saya telah mengambil aleh Kementerian ini satu daripada perentah yang baharu saya dikeluarkan ia-lah segala usaha patut-lah di-tumpukan bukan bagi menubuhkan Sharikat² baharu, tetapi bagi menguatkan lagi keadaan sharikat yang ada sekarang ini. Dan hasil daripada itu, saya telah melihat beberapa banyak perubahan telah berlaku dalam keadaan Sharikat Kerjasama ini. Satu daripada sebab-nya yang kita pehak Kerajaan dan Pegawai kerjasama tidak dapat memberi supervision yang sa-penoh-nya dalam soal itu ia-lah bersangkut-paut dengan Undang² Kerjasama ini, dan ini-lah satu daripada perkara yang saya mula² sa-kali telah memberi perentah juga ia-itu supaya disusun sa-mula dan di-semak sa-mula Undang² Sharikat Kerjasama yang ada pada masa ini. Saya harap pada awal tahun hadapan ini dapat saya kemukakan satu Rang Undang² baharu mengenai gerakan kerjasama ini, dan pada masa itu dapat kita bersama memikirkan bagaimana kita dapat

adakan satu Undang² yang harus membuka jalan bagi kita mendirikan sa-buah gerakan Sharikat Kerjasama yang kuat saperti mana yang terdapat di-negeri² Sweden, Denmark dan lain² negeri yang sudah maju (*Tepok*).

Satu lagi sebab yang membawa kapada kelemahan berkenaan gerakan kerjasama ini ia-lah kerkenaan dengan pegawai². Ini saya mengaku juga. Memang kurang banyak pegawai² untuk menguruskan pentadbiran gerakan kerjasama. Salah sa-orang Ahli Yang Berhormat telah menhadangkan supaya kita menambah, bukan sahaja bilangan pegawai² kerjasama, tetapi kita patut menambah bilangan ahli atau pun pegawai² kerjasama dari kaum wanita. Ini saya sokong 100 peratus (*Tepok*), kerana apa juga bersangkutan dengan wanita ini memang saya sokong (*Ketawa*). Pada masa ini kita chuma mempunyai 3 orang pegawai sahaja dan 8 orang Inspector atau pun merinyu kerjasama, tentu-lah saya sendiri pun tidak puas hati dengan keadaan ini. Kita berkehendakkan berlipat ganda lagi pegawai² yang terdiri daripada kaum ibu. Saya bersetuju dengan shor Yang Berhormat itu bahawa jika kita hendak kemajuan yang lebeh chergas dan tegas lagi, kalau kita dapat sokongan yang kuat daripada kaum ibu atau wanita kita, insha' Allah kita akan dapat menchapai kemajuan itu dengan lebeh chepat lagi.

Saya teringat di-sini ia-lah pengalaman apa yang saya lihat dalam politik kita telah maju ka-depan dalam negara kita ini dengan sebab kita mendapat sambutan yang begitu baik daripada kaum ibu kita (*Tepok*). Jika sa-kira-nya kita mengikut apa yang saya shorkan tadi, kita tumpukan tenaga kita, kalau dahulu kita tumpukan 90 peratus untuk politik sa-waktu kita memperjuangkan kemerdekaan kita, kalau aleh balek sekarang ini kita gunakan kekuatan itu untuk memajukan ekonomi kita melalui gerakan kerjasama ini, maka sudah tentu kita menchapai kemajuan itu dengan sa-berapa chepat yang boleh (*Tepok*).

Sa-perkara lagi, antara shor² yang di-buat ia-lah berkenaan dengan membaiki keadaan Maktab Kerjasama.

Ini pun satu perkara yang saya sendiri telah memberi keutamaan, dan dalam sidang Dewan Ra'ayat pada tahun akan datang ini saya akan membawa satu Rang Undang² bagi menjadikan Maktab Kerjasama itu sa-bagai Perbadanan. Saya berharap dengan jadi-nya maktab itu sa-bagai Perbadanan di-bawah naongan Kementerian ini, maka maktab itu akan beruban chorak dan akan dapat menchapai berbagai kemajuan dengan lebeh bebas lagi daripada keadaan yang sekarang ini.

Berkenaan dengan Bank Agong, ada juga shor² supaya kita menguatkan lagi Bank Agong itu. Ada-lah memang menjadi ingatan Kerajaan supaya Bank Agong itu menjadi asas bagi Bank Ra'ayat yang kita akan tubuhkan.

Ahli² Yang Berhormat harus hendak mengambil tahu apa-kah sebab-nya yang Bank Agong atau Bank Ra'ayat itu lambat di-tubuhkan. Yang sa-benarnya, shor mengadatkan Bank Ra'ayat ini sudah begitu lama, dan pehak Kerajaan telah menjemput tidak kurang daripada 4 orang pakar dari luar negeri untuk menasihatkan kita chara manakah yang baik sa-kali bagi kita menubuhkan Bank Ra'ayat ini, dan tiap² sa-orang pakar itu memberi pendapat-nya. Kita telah mengadakan beberapa banyak kali meshuarat dalam hal Bank Ra'ayat ini, tetapi memadai-lah saya memberi pengakuan kapada Ahli² Yang Berhormat sa-kalian bahawa soal mengadatkan Bank Ra'ayat ini ada-lah satu soal yang menerima "priority" yang tinggi dalam usaha Kerajaan kita bagi membaiki kehidupan ra'ayat sa-kalian. (*Tepok*).

Bila saya berchakap berkenaan dengan kemajuan gerakan kerjasama, saya juga tidak lupakan Sarawak dan Sabah. Saya sendiri tidak dapat peluang melihat banyak gerakan kerjasama di-negeri² Sarawak dan Sabah, tetapi sa-takat yang saya lihat memang banyak yang kita dapat memberi pertolongan untuk memajukan gerakan kerjasama di-kedua² buah negeri itu.

Salah sa-orang Ahli Yang Berhormat telah menyebutkan bahawa satu daripada sebab yang besar yang gerakan kerjasama itu tidak boleh di-majukan ia-lah dengan sebab kita menghadkan

keuntungan bagi kerjasama ini sa-banyak 6 peratus. Sa-benar-nya kita menghadkan 6 peratus. Beliau telah menyebutkan bahawa di-negeri² Denmark dan Sweden keuntungan sa-hingga 40 peratus. Sa-benar-nya, ada dua perkara dalam soal ini. Apa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi 40 peratus itu termasuk, apa yang di-katakan "patronage rebate" dengan sebab itu-lah percentage satu peratus-nya sudah naik sampai 40 peratus. Kita di-sini pun tidak ada had bagi memberi sa-takat mana pun "patronage rebate" itu. Pendek-nya jika kita beli banyak, umpama-nya daripada kedai sharikat kerjasama yang kita menjadi ahli itu, maka boleh-lah di-beri "rebate" itu sa-takat mana mengikut keadaan yang kita menyokong kepada kedai sharikat itu. Saya ingat chukup-lah dengan gerakan sharikat kerjasama dan di-atas lain² shor itu maka saya akan, sa-bagaimana yang saya katakan tadi, ambil ingatan untuk di-jalankan.

Saya beraleh pula kepada soal pertanian bersangkut dengan padi Malinja yang di-sebutkan oleh banyak Ahli² Yang Berhormat, terutama sa-kali Yang Berhormat dari Sabak Bernam, kalau saya tidak salah, yang telah menyebutkan berkenaan dengan harga padi Malinja. Saya suka memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa harga padi Malinja yang sa-benar-nya patut lebeh daripada padi Taiwan. Pendek kata, mengikut apa yang telah di-ishtiharkan oleh Kerajaan, padi biasa mendapat harga \$16.00 sa-pikul dan padi Malinja juga mendapat \$16.00 sa-pikul, tetapi padi Taiwan dan padi ringan yang lain mendapat \$14.00 sa-pikul sahaja. Kerajaan membuat begitu dengan sebab Kerajaan hendak menggalakkan tenaga lebeh banyak lagi padi Malinja, tetapi berkenaan dengan apa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa penanaman padi di-kawasan-nya itu tidak mendapat harga yang berpatutan daripada kilang sharikat kerjasama di-situ, saya akan siasat dan saya akan berusaha supaya perkara itu, kalau sa-benar-nya berlaku, di-rentikan dengan sa-berapa chepat yang boleh (*Tepok*).

Berkenaan dengan benih padi ini juga saya suka mengishtiharkan bahawa pada 1hb Januari, 1965 saya akan mengishtiharkan lagi satu benih padi yang baharu, nama-nya maseh rahsia lagi (*Tepok*) (*Ketawa*). Kalau ada nama yang baik yang Ahli² Yang Berhormat ingat boleh saya timbangan, tolong-lah beri nama—nama wanita pun tidak apa (*Ketawa*). Ini saya hendak ishtiharkan pada 1 hari-bulan yang akan datang ini.

Kemudian berkenaan dengan harga padi yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, mengatakan sekarang ini harga padi sa-banyak \$16.00 sa-pikul patut-lah di-naikkan sa-banyak \$20.00 sa-pikul. Perkara ini sudah pun mendapat timbangan daripada Kerajaan dengan sa-lengkap-nya. Maka dengan sebab itu-lah Kerajaan maseh lagi perpegang bahawa harga \$16.00 ini berpatutan kalau di-bandingkan dengan harga beras yang ada di-luar negeri. Untok ma'aluman Ahli² Yang Berhormat sa-kalian, macham negeri Thailand, harga satu pikul yang di-dapati oleh penanam padi di-sana sa-benar-nya lebeh kurang \$7.00 sahaja sa-pikul. Kita di-sini Kerajaan bagi geranti—bagi jaminan \$16.00 sa-pikul. Jadi kalau kita bandingkan di-sini, sudah memang-lah lebeh banyak dua kali ganda lebeh apa yang kita jamin-kan kepada penanam padi kita di-sini. Tetapi ini bukan-lah berma'ana saya tidak sokong hendak di-naikkan itu, jadi soal menaikkan itu, soal lain.

Kemudian berkenaan dengan buahan². Banyak Ahli² Yang Berhormat telah berchakap berkenaan dengan soal buahan². Ada yang mengeshorkan patut kita berusaha mengetinkan buahan² kita saperti rambutan, ada juga mengeshorkan supaya kita membuat jem daripada durian dan sa-bagai-nya. Ini semua-nya kita sudah buat dan saya sendiri pun yakin apabila terdiri-nya pusat penyelidekan buahan² dan juga makanan yang saya telah ishtiharkan dalam ucapan saya waktu saya mengeshorkan Rang Perbelanjaan bagi Kementerian ini, saya telah pun memberi tahu kepada Ahli² Yang Berhormat bahawa kita hendak mendirikan pusat ini dan apabila terdiri-nya pusat

ini segala usaha kita bagi membaiki keadaan mengetinkan buahan² dan sa-bagai-nya dapat-lah kita jalankan dengan tegas-nya. Dan dalam hal ini kita mendapat panduan yang sa-penoh-nya daripada sahabat² kita termasuk juga Badan Makanan dan Pertanian Sa-dunia ia-itu F.A.O. dan juga pehak United Nations Special Fund.

Kemudian sa-orang Ahli Yang Berhormat telah menhadangkan untuk memberikan tauladan yang baik ia-itu dalam majlis² official atau pun majlis² rasmi, patut-lah buahan² dari luar negeri jangan di-hidangkan. Saya ber-setuju dengan shor ini dan memang-lah kalau saya hadir dalam mana² juga jamuan rasmi, bukan sahaja di-sini, di-luar negeri pun kalau ada buahan² yang daripada luar negeri, saya makan juga tetapi makan pun dengan protest (*Ketawa*). Jadi, makan juga-lah, sambil makan sambil protest (*Ketawa*). Jadi, untuk menggalakkan buahan² tempatan itu maka dengan sebab itu-lah Kerajaan telah mengishtiharkan tahun ini bagi tahun buahan², dan saya, baharu² ini dalam meshuarat Pegawai² Pertanian Kanan, telah memberi tahu kepada mereka itu bukan-lah galakan itu patut di-jalankan dalam tahun ini sahaja tetapi di-teruskan sampai bila² pun. Dan saya perchaya dengan ranchangan kita membantu menanam sa-mula kebun buahan² dan sa-bagai-nya maka dasar kita bagi memajukan buahan² tempatan itu akan berjaya.

Kemudian saya pergi pula kepada soal Memuleh Menanam Sa-mula Kelapa. Ahli Yang Berhormat, termasuk juga Ahli Yang Berhormat daripada Batu, telah merayu supaya jangan-lah lupa kepada negeri mereka itu termasuk negeri Selangor. Saya pun telah beri tahu dahulu, kita sekarang ini mulakan di-Johor, di-Perak dan kita hendak bagi chan pula ka-Kelantan. Kerana depa dok kata, kerana kita ini dok anak tiri depa, tetapi saya hendak tunjokkan-lah kita bukan anak tirikan siapa² pun; dengan sebab itu kita hendak jalankan di-Kelantan, sa-lepas di-Kelantan itu barangkali Melaka dan juga barangkali Selangor baharu dapat peluang. Tetapi sementara itu tentu-lah masing²

kena tunggu giliran masing² dengan sebab kita kurang pegawai² untuk menjalankan ranchangan ini. Kita masch melateh lagi banyak pegawai² dan apabila chukup pegawai—bila chukup wang, kita akan menjalankan bagi seluroh negara kita.

Kemudian, banyak juga Ahli² Yang Berhormat yang telah berchakap berkenaan dengan Kaji Bumi atau pun Soil Survey. Di-sini saya berani berkata dengan bangga-nya bahawa apa yang telah di-buat atau di-jalankan oleh Kementerian saya dalam masa dua tahun ini memang-lah kalau kita hendak tunggu Mat Salleh jaga negeri kita ini—20 tahun lagi dia tidak boleh buat (Tepok). Dan saya bagi pengakuan kepada tuan², Ahli² Yang Berhormat, bahawa dalam tahun 1967 segala basic survey bagi seluroh negeri kita ini—fullscale survey, bagi negeri kita ini berkenaan dengan soil ini, kita akan dapat selenggarakan seluroh Peninsula—Semenanjung kita ini. Saya kata ini satu kejayaan yang kita boleh bangga, kerana dengan tenaga kita sendiri, dengan kita dapat panduan sadikit sa-banyak daripada Peace Corps dan juga daripada Colombo Plan, kita telah menjalankan usaha; kerana apa ta' guna kita berchakap hendak tanam kapas, hendak tanam itu dan hendak tanam ini, kalau kita tidak dapat mengadakan soil survey. Apabila sudah complete—sudah siap soil survey ini, baharu-lah kita boleh mengatorkan di-mana yang kita hendak tanam itu—hendak tanam jagos dekat mana. Jadi, dengan sebab itu apabila saya mengambil aleh Kementerian ini, saya telah menitek beratkan soil survey ini.

Kemudian, begitu juga-lah termasuk pantai timor, banyak Ahli² Yang Berhormat telah berchakap berkenaan dengan tanah² pasir di-pantai timor dengan sebab itu-lah kita telah mendirikan sa-buah pusat khas membuat penyelidikan berkenaan dengan tanah pasir ini. Kita berharap dan saya sendiri berharap kalau berjaya-lah ranchangan pilot project yang kita buat di-Bachok bagi tanaman jagos di-sana, kalau sudah berjaya nanti, kita dapat membanyakkan lagi tanaman jagos bagi seluroh pantai timor kita.

Kemudian, berkenaan dengan research atau pun penyiasatan. Ahli Yang Berhormat telah berchakap, dia kata barangkali penyiasatan ini dibuat mengikut kehendak hati pegawai² itu, ini barangkali masa dahulu—masa Mat Salleh dahulu. Sekarang ini masa kita, kita control semua. Sekarang ini bahagian research—penyiasatan dalam Kementerian saya, dalam tahun 1965 sa-orang pun tidak ada lagi orang luar, semua-nya orang tempatan. Jadi kita sendiri control polisi-nya—dasar-nya—dan kita sendiri menentukan apa² programme, apa² yang kita hendak beri keutamaan dalam bahagian penyiasatan ini. Dan kita menjalankan research sekarang ini kita bagi keutamaan untuk pengalaman Ahli Yang Berhormat daripada Batu, kita bagi keutamaan kapada tebu kerana baharu² ini pun saya telah memberi kenyataan dalam surat khabar mengatakan bahawa pada masa ini kita ada lima orang pakar daripada Taiwan yang datang dengan jemputan daripada negeri kita untuk menyiasat hal ini sa-lepas di-buat penyiasatan yang awal oleh sa-orang pakar daripada Australia. Jadi, kita mahu second opinion dan kita minta mereka itu mengadakan soil survey dan mereka itu berjanji akan memberikan laporan kapada Kerajaan kita sa-belum 19 haribulan December ini. Sementara itu pehak Kerajaan kita—pehak Kementerian—telah pun menjalankan usaha bagi mengexport beberapa variety sugar cane untuk kita charikan apa jenis yang sesuai bagi di-tanamkan dalam negeri kita. Ini satu perkara yang saya kata bagi priority kerana kita berharap dengan sa-chepat mungkin dapat kita, bukan sahaja saperti mana kita refinedkan—Sugar Refinery kita di-Perai, mungkin juga Singapura dan juga di-Port Swettenham, tetapi kita dapat mengeluarkan tebu kita sendiri.

Kemudian sa-orang Ahli Yang Berhormat telah berchakap berkenaan dengan pembahagian tanah, ia-itu apabila sudah mati ibu bapa-nya, selalulah tinggal tanah² yang kechil untuk di-bahagikan kapada warith²-nya. Saya sangat bersetuju dengan pendapat yang di-berikan oleh Ahli Yang Berhormat itu, kerana ini satu penyakit yang

patut-lah kita mencari ubat dengan sa-berapa segera-nya, dan saya telah perhatikan beberapa banyak negeri² yang saya telah melawat, saya dapati bahawa salah satu negeri di-sabelah Asia yang benar² berjaya menjalankan Land Reform berkenaan dengan pembahagian tanah ini ia-lah Taiwan. Dalam masa 10 tahun sahaja, dia dapat membahagikan balek 90% daripada tanah yang dahulu-nya di-mileki oleh kaum² modal yang besar, dapat balek ka-tangan kaum² tani yang mengusahakan tanah-nya itu dengan tidak ada revolusi, dengan tidak ada pergaduhan apa² pun. Mereka itu berjaya dapat menjalankan dasar baharu berkenaan dengan pembahagian tanah ini. Maka dengan sebab itu dalam lawatan saya baharu² ini, saya telah meminta kapada Kerajaan supaya menghantar sa-orang pakar ka-negeri kita—pakar yang sudah pun menjayakan ranchangan ini di-sana untuk datang ka-negeri kita, dan harus pada awal tahun 1965 ini pakar itu akan datang dan memberikan shor mengikut pengalaman yang di-dapati di-Taiwan untuk di-per-timbangkan oleh Kerajaan.

Kemudian soal yang selalu di-bangkitkan ia-lah berkenaan dengan penyakit merah. Ahli Yang Berhormat dari Batu pun pergi kempen pilehan raya kechil, dia pergi tengok penyakit merah itu—penyakit merah ini selalunya di-chari di-tanah² bendang yang di-punya oleh orang² Parti Ra'ayat, atau pun Parti Buroh. Ini satu penyakit merah. Ini satu perkara yang menjadi puncha pusing kepala juga kapada kita. Banyak juga pakar² yang hendak menghapuskan penyakit merah ini, tetapi belum lagi berjaya; pada masa ini pun ada sa-orang pakar di-bawa daripada Ranchangan Colombo yang sedang membuat research di-dalam padang, atau pun field research berkenaan dengan penyakit merah ini. Satu chara yang baik sa-kali, kalau hendak bagi lingkup sa-kali penyakit merah ini, hendak-lah kita pump ayer, bersama ayer itu akan keluar semua sa-kali—mati-lah dia, tinggal lagi kalau kita buat bagitu, tidak boleh di-tanam pula.

Kemudian berkenaan dengan jentera, atau pun tractor. Ini juga menjadi satu subject yang popular antara Ahli² Yang Berhormat. Ini pun satu perkara yang kita akan beri keutamaan. Dalam tahun ini sahaja, dalam rancangan yang ada sekarang, rancangan kemajuan kita membelanjakan sa-banyak \$600,000 bagi menolong membeli tractor² untuk memberi pinjaman dengan harga yang cukup murah kepada kaum² tani dan saya harap dalam rancangan Malaysia kita yang akan datang, dapat-lah saya menyediakan sa-banyak \$5 juta untuk maksud ini, kerana saya sangat bersetuju, kalau kita mahukan kemajuan² dengan sa-berapa chepat berkenaan dengan pertanian ini, mesti-lah kita menggunakan jentera yang banyak, dan kalau kita harap kaum tani kita hendak beli jentera, barangkali susah—dengan sebab itu, Kerajaan kita mesti memberi pertolongan kepada mereka. Di-samping itu kita akan mengadakan di-tiap² negeri sa-buah pusat bagi melateh kaum² tani kita bagaimana hendak menjaga tractor² itu, bagaimana hendak memperbaiki tractor² itu dan sa-bagai-nya. Saya berharap saya akan dapat memberi sa-kurang²-nya dalam negeri kita, tiap² satu jajahan, satu tractor yang akan di-beri pinjam bergilir² untuk kegunaan bagi menjalankan rancangan² yang tertentu yang di-setujukan oleh Kementerian kita.

Kemudian berkenaan dengan risalah² dan buku², ada juga banyak Ahli² Yang Berhormat yang telah berchakap dalam hal ini. Ada-lah menjadi dasar bagi Kementerian ini, sa-bagai sa-bahagian daripada penyebaran ilmu dan juga pelajaran pertanian, bagi menyampaikan segala hasil² penyelidikan dan kemajuan teknik berchuchok tanam, pemeliharaan ternakan, perikanan dan lain² dan sa-bagai-nya, kepada pengeluar² di-luar bandar dalam bahasa yang sa-rendah²-nya. Dalam usaha meneruskan tujuan ini, maka chawangan teknik dalam Kementerian saya ada mempunyai segala kemudahan untuk memberikan risalah² dan siaran² teknik, serta lain² siaran penerangan kepada pengeluar², atau pun kepada kaum² tani yang

ada di-luar bandar, tetapi sa-lama ini, pehak Bahagian Kemajuan Kerjasama telah mengeluarkan satu risalah, dan pehak Bahagian Pertanian pula mengeluarkan satu risalah. Jadi, tidak ada satu badan di-pusat untuk mengeluarkan keluaran risalah² ini. Maka dengan sebab itu, saya pun telah bersetuju, mulai daripada tahun hadapan, segala pengeluaran risalah² itu akan dipusatkan di-Kuala Lumpur ia-itu di-Kementerian supaya dapat kita mengatorkan berkenaan dengan pengetahuan siaran risalah² ini mengikut apa yang di-shorkan oleh Ahli² Yang Berhormat tadi.

Ahli Yang Berhormat yang dapat peluang berchakap pada penghabisan sa-kali,—dia juga mengatakan ia-itu patut kita shorkan bulan-bulan² makanan. Ini saya bersetuju, tinggal lagi banyak sangat bulan-nya, lepas bulan, bintang, jadi main bulan² bintang, tetapi walau bagaimana pun shor ini saya akan timbangkan.

Sekarang saya suka-lah pergi kepada soal berkenaan dengan perikanan. Ramai juga Ahli² Yang Berhormat yang telah menyentuh berkenaan dengan soal sharikat² nelayan dan perbuatan orang² tengah berniaga, atau pun orang² yang berniaga ikan yang menindas kaum nelayan. Jadi, memang-lah pehak saya sendiri dan juga pegawai² dalam Kementerian memang sedar di-atas kejadian yang sa-macam ini, dan oleh sebab itu, kita mengambil tindakan seperti berikut:

Yang pertama sa-kali, kita menggalakkan kaum² nelayan menyatukan diri mereka di-dalam sa-buah sharikat supaya dapat mereka itu sendiri menyelenggarakan tangkapan ikan mereka dan memasarkan ikan itu dengan lebih baik dan lebih sempurna lagi.

Pada penghujung tahun 1963, ada sa-banyak 78 buah sharikat yang sa-macam ini mengandongi 5,660 orang ahli, sa-tengah daripada-nya ia-lah datang daripada pantai timor.

Apabila saya mengambil alih Kementerian ini, saya telah memberi perintah supaya pegawai² dalam Jabatan Kerjasama menyusun sa-mula sharikat ini dan yang mana hidup

segan, mati ta' mahu itu, saya telah beritahu supaya kita tutup sahaja—kita bachakan qualhuwallah, kita gali-kan kubor untuk sharikat yang sa-macham ini.

Yang kedua, sharikat² nelayan itu mesti-lah chukup besar bagi menjalankan pekerjaan yang boleh mendapat kemajuan. Jadi, kebanyakan daripada nelayan² kita yang dudok di-sapanjang pantai Semenanjung kita yang sa-jauh 1,500 batu, bertompok²—kalau keadaan yang sa-macham ini berpandangan, saya katakan tentu-lah kita tidak dapat mendirikan sa-buah Sharikat Kerjasama Nelayan yang boleh memberi keuntungan kepada nelayan² itu sendiri, kerana kalau sharikat² itu kecil, bagaimana-kah Kerajaan kita hendak memberi pertolongan berkenaan dengan pasaran, berkenaan dengan jeti dan lain², dan juga kemudahan paip ayer, kemudahan lampu letrik dan sa-bagai-nya. Maka dengan sebab itu-lah Kerajaan berfikir, kalau kita hendak memajukan kaum nelayan kita mengikut jangka panjang, mesti-lah kita mengambil tindakan bagi mengumpulkan mereka itu dan soal mengumpulkan nelayan² itu dalam sa-buah kampong baharu. Kampong baharu nelayan ini ada-lah satu perkara yang sangat rumit, kerana ini ia-lah satu human problem—satu masalaah manusia. Jadi, bagi Kementerian hendak mengubah-kan sa-saorang itu untuk pindah ka-lain tempat, sangat-lah sukar.

Saya sendiri sudah menjalankan usaha dengan saya pergi memujuk kaum² nelayan untuk mereka itu bersetuju hendak pindah kepada kampong² nelayan baharu yang kita siapkan—bagitu punya susah, tetapi saya perchaya-lah bahawa mengikut peredaran masa nanti, fikiran mereka itu pun akan turut berubah supaya dapat juga kita menjalankan dasar bagi menempatkan sa-mula kaum² nelayan kita.

Yang ketiga, pehak Kementerian saya akan dapat mengadakan rumah² perhentian, jetty² dan juga bilek² sejok di-mana di-fikirkan mustahak bagi kemajuan kaum² nelayan. Jadi kita sudah pun mengadakan bilek² sejok

ini di-Pantai Timor dan mengikut ranchangan² yang akan datang banyak lagi bilek² sejok yang sa-macham ini kita akan dirikan di-seluruh pantai kita. Di-dalam jawapan saya kepada Ahli Yang Berhormat daripada Pulau Pinang Utara tadi, saya akan berchakap lebeh panjang lagi berkenaan apa ikhtiar² yang sedang di-rangkakan oleh Kementerian ini bagi memajukan perusahaan perikanan dalam negeri ini.

Satu perkara yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat ia-lah berkenaan dengan Sekolah Perikanan. Saya mengaku bahawa Sekolah Perikanan yang ada hari ini memang memberi pelajaran yang chukup rendah, sa-takat ini kita melateh penuntut² yang pergi ka-sekolah itu ia-lah sa-lama 5 bulan sahaja. Tetapi saya pun sudah rombakkan itu dan mulai pada tahun yang akan datang, kita akan memberi latehan kepada tiap² penuntut sa-lama satu tahun sa-tengah. Dan chara² mengajar-nya kita akan titek beratkan soal practical training yang mana di-shorkan oleh Ahli² Yang Berhormat, supaya apabila mereka itu keluar nanti, dapat mereka itu menjalankan usaha² mereka itu sendiri dalam soal perikanan ini.

Sa-takat ini ada juga banyak pemuntut keluar daripada Sekolah Perikanan kita yang bukan balek bekerja sa-bagai kaum nelayan. Saya pergi ka-Sungai Besi satu hari, sedang di-sana ada satu orang bekas penuntut Sekolah Perikanan, saya dapati menjadi driver bagi jentera di-sana, tetapi dia mendapat satu hari \$8 gaji, kalau bekerja sa-bagai nelayan barangkali dia tidak dapat sa-banyak itu, dengan sebab itu kita menggalakkan juga mereka itu belajar-lah sekolah ini, kerana ini ada-lah satu ilmu yang kita ajarkan, memang-lah sangat berguna walau pun mereka itu tidak menjadi kaum nelayan lagi.

Berkenaan dengan Syllabuses Sekolah Perikanan ini, kita akan semak sa-mula dan kita akan jalankan apa² perubahan mengikut apa yang di-shorkan oleh Ahli² Yang Berhormat. Jadi tujuan saya bukan sahaja sa-takat mengadakan Sekolah Perikanan

ini sahaja, tetapi mengikut apa dalam pemikiran saya, patut-lah kita sekarang ini membuat plan bagi mendirikan sa-buah Kolej Perikanan. Jadi Kolej Perikanan ini ia-lah untuk anak² nelayan yang keluaran daripada Sekolah Kebangsaan atau Sekolah Rendah. Jadi apabila kita bergerak lagi satu langkah lagi ka-hadapan patut-lah pada fikiran saya, kita mengadakan satu Kolej Perikanan di-mana dapat kita memberikan pelajaran yang lebih tinggi lagi bersangkutan dengan pelayaran, guna dan sa-bagai-nya. Ini ada-lah satu shor yang saya akan di-kemukakan kepada Kerajaan apabila kita membincangkan soal Malaysia plan yang akan datang.

Soal Ahli Yang Berhormat tadi telah menyebutkan berkenaan bantuan kepada kaum² nelayan yang telah mendapat kemalangan atau pun mendapat kesusahan terbit daripada Konfrantasi daripada Indonesia, atau apa yang di-buatkan oleh perompak Indonesia itu, memang kita sudah jalankan-lah. Saya dengan kerjasama rakan sa-jawat saya, Yang Berhormat, Menteri Kebajikan 'Am,—memang kita mengambil berat tentang hal ini dan apa juga bantuan pehak Kerajaan, kita boleh beri, kita sudah pun di-berikan dan akan di-berikan.

Kemudian Ahli Yang Berhormat daripada Bachok telah menyebutkan fasal siput besar lengan, ini barangkali belut pun ada besar lengan, saya tidak tahu (*Ketawa*). Jadi saya tidak pernah tengok lagi kalau Ahli Yang Berhormat itu boleh bawa satu sample (*Ketawa*), saya pun hendak chuba exploitkan siput besar lengan itu. (*Ketawa*). Kemudian ada juga Ahli Yang Berhormat, telah berchakap baharu tadi berkenaan dengan menchukupi barang² makanan dalam negeri kita, ini pun ia-lah menjadi dasar utama dalam negeri kita, dan dia bertanya agak berapa tahun hendak dapat kita mengeluarkan chukup makanan. Jadi mengikut target saya sendiri ia-lah kita mengharapkan dalam 10 tahun, tetapi kalau sudah ada Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara yang menggalakkan sampai hendak memberi medal kepada sa-orang ibu yang mendapat 20 orang anak, macham mana

kita hendak memberi chukup makanan itu, susah-lah sadikit (*Ketawa*). Kalau hendak beri chukup makanan dia pula menggalakkan satu² ibu itu dapat 20 orang anak, dapat satu medal pula, ini pun saya tidak berat sangat bukan-lah ta' berapa setuju sangat, tetapi apa yang saya berasa sedeh sadikit, fasal dia chadangkan hendak memberi medal itu kepada kaum ibu sahaja-kah sedangkan macham kaum bapa ini tidak mendapat apa² langsung (*Ketawa*). Ini tidak ada-lah ke'adilan macham mana itu. Ini yang saya ta' bersetuju. Harap Yang Berhormat itu chuba timbangkan sa-kali lagi usul dia. (*Ketawa*).

Enche' Abdul Aziz Ishak: Untuk penjelasan sadikit yang saya tanya tadi berkenaan dengan keperluan sendiri berkenaan dengan beras. Beras itu bilakah Kerajaan dapat menentukan target date dapat menchukupi bagi Malaysia ini sendiri.

Enche' Mohamed Khir Johari: Jadi kalau ranchangan² yang kita sedang ranchangkan, ranchangan taliayer yang besar di-Kemubu dan juga di-Sungai Muda itu berjalan sa-bagaimana yang kita ranchangkan, kita berharap sekarang ini kita ada 900,000 ekar tanah sawah dalam Tanah Melayu. Kita berharap dalam tahun 1970 sabanyak 400,000 ekar kita akan dapat di-tanamkan dua kali sa-tahun. Jadi tuan² tengok di-situ bagaimana lipat ganda-nya banyak sekarang ini 900,000 ekar, dan dalam 900,000 ekar tanah sawah sekarang ini tidak sampai 60,000 ekar sahaja yang di-tanam dua kali sa-tahun. Tetapi kita harap pada tahun 1970 dapat kita tanam sampai 400,000 ekar, dua kali sa-tahun, boleh jadi sekarang ini kita mengeluarkan lebih kurang 65% daripada apa yang kita kehendaki. Kita berharap-lah pada masa itu barangkali, pada tahun 1970 barangkali, sampai sa-kurang²-nya kalau ta' 80%, 75% hingga 80% dapat kita self-sufficient dalam hal beras ini.

Kemudian saya pergi kepada soal Haiwan. Di-sini saya suka memberi-tahu kepada Ahli Yang Berhormat, ada juga Ahli² Yang Berhormat menyebutkan fasal apa kita bawa masuk daging dari luar negeri. Yang sa-benarnya sekarang ini kita mengeluarkan

90% daging lembu yang kita makan ini daripada negeri kita Tanah Melayu ini, termasuk Singapura, chuma kita import bawa masok 10% sahaja, ada-lah juga import black market yang masok belakang, tetapi ta' banyak-lah tetapi mengikut statistic kita 90% sahaja yang kita keluarkan di-sini dan 10% sahaja yang kita bawa masok. Babi kita ada 100 peratus self-sufficient. Telor pun kita ada 100 peratus chukup, tetapi ada orang yang hendak makan daging kambing Australia, barangkali ada juga isteri kita mengandong hendak makan kambing daripada India-kah (*Ketawa*) hendak bawa masok tidak boleh kita tegah-lah (*Ketawa*), tetapi pada 'amnya dalam soal haiwan ini kita sudah buat banyak kemajuan.

Berkenaan dengan pemberian pawah yang banyak juga Ahli² Yang Berhormat telah membuat tegoran, saya suka memberitahu kepada Ahli² Yang Berhormat bahawa chara memberi, lembu, saya akan semak sa-mula dan apa juga chara yang lebeh baik saya akan majukan untuk di-terima oleh Ahli² Yang Berhormat nanti, termasuk-lah baka lembu dan sa-bagai-nya.

Berkenaan dengan Pusat Haiwan, ada juga Ahli² Yang Berhormat men-chadangkan kita patut mengadakan sa-kurang²-nya satu atau dua lagi Pusat Haiwan seperti yang ada di-Kluang (Central Animal Husbandry Station). Untuk ma'aluman Yang Berhormat yang membawa soal ini, saya suka memberitahu bahawa mengikut ranchangan kita, dalam 5 tahun yang akan datang sa-buah lagi pusat yang sa-macam itu di-adakan di-Pantai Timor (*Tepok*). Chuma kelambatan sedikit kita hendak buat planning ini fasal Kerajaan Negeri itu lambat beri jawab berkenaan dengan tanah. Kita harap Kerajaan itu bangun-lah daripada tidor dan beri jawab chepat supaya dapat kita mengadakan pusat itu sa-berapa chepat yang boleh. Sa-lain daripada itu, kita ada juga pusat² yang lain, bukan-lah pusat bidan (*Ketawa*)—Pusat Haiwan. Kita ada di-Melaka dan lagi di-Paroi di-Seremban, ini pun juga membuat banyak perkhidmatan kepada kaum² tani kita.

Berkenaan dengan Parit dan Tali-ayer. Dalam hal ini tidak banyak yang menegor, melainkan ada shor supaya saya patut menjalankan berkenaan dengan bund, jalan dan sa-bagai-nya. Ini semua, sa-bagaimana yang saya katakan tadi, saya telah mengambil ingatan dan saya chuba menjalankan sa-berapa daya yang boleh.

Saya ingat patut juga saya jawab sedikit kepada Yang Berhormat dari Batu, kerana dia tunggu lama.

Sir, I should like to inform the Honourable Member that with regard to research we are giving it priority in our Ministry, and the various results that have been achieved so far have been entirely due to the good work that has been done by our Research Department; and we are also increasing the number of scholarships, under-graduate as well as post-graduate courses, for our local scholars to go abroad in order that they will come back later and serve in our Research Department.

With regard to the Rural Co-operative Apex Bank, I should like to inform the Honourable Member that this Bank is the country's apex co-operative organisation, which is entrusted with the channelling of funds from Government and other sources to the co-operative farmers and fishermen through twenty-two co-operative unions, including the Rural Banking Union, the Padi Banking Union, the Fishermen and Transport Union, to which are affiliated 1,677 primary co-operative societies which, in turn, serve their own individual members. These primary co-operative societies are located in most kampongs throughout the country, while the banking unions and other unions are on State basis. The primary co-operative societies and the co-operative unions are, in effect, branches or agents of this Bank Agong (or the Apex Bank) at kampong, district, as well as State levels.

Now, the co-operative societies in Malaya have a total working capital of over \$167 million, of which about \$100 million are accumulated in the urban sector.

The Apex Bank is implementing a capital accumulation plan in which it is hoped to accumulate some \$25 million under the First Malaysia Plan. Since 1955, the Government has issued about \$39 million as loans to rural co-operative societies through the Apex Bank.

The Honourable Member for Batu also asked several other questions. I have replied to his questions on Bank Ra'ayat and the Marketing Board, and I would now like to clarify one more point with regard to dissatisfaction among the veterinary officers—that is between the U.K. trained officers and those trained in Pakistan or India. As a matter of fact, this matter is receiving my attention at present and we are trying our best to harmonise the issue, and I hope I shall be able to do this. If that is possible, then I shall have to bring another bill, the Veterinary Services Bill, to Parliament—maybe in the next few months.

With regard to flooding I will look into this matter, but I would like to inform Honourable Member that the flooding of Sungei Bunus, unfortunately, does not come directly under me, because it is controlled by the Municipality of Kuala Lumpur. I will, however, inform my Ministry to get in touch with the Municipality, so that they could give priority to this in their next Development Plan.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, may I ask a clarification from the Honourable Minister?

Enche' Mohamed Khir bin Johari: Yes.

Dr Tan Chee Khoon: When I raised this matter in the Selangor State Assembly, they said that this is a Federal matter. When I raise it in the Dewan Ra'ayat, the Honourable Minister says that it is a matter for the *Ibu Kota*. Sir, it is just like, this morning, the Minister of Labour passing the buck on to the Minister of Health (*Laughter*). This passing of buck business, I think, is a favourite pastime of some Ministers when they are in difficulties.

Mr Speaker, Sir, I think the inhabitants of Kuala Lumpur will not be satisfied by just receiving my attention on this matter of flooding—it is not only in Sungei Buloh area but also in the Klang Road area, in Gombak Lane, Tamboosamy Road, Kampong Semarang, Kampong Maxwell. We would be very grateful for a clear-cut statement by the Minister whose portfolios include the Department of Drainage and Irrigation as to what measures he proposes to take to alleviate the floods in Kuala Lumpur.

Enche' Mohamed Khir Johari: Mr Chairman, Sir, I think the Honourable Member might have misheard when he was told in reply to his question in the State Assembly. Probably they would have said "Federal Capital matter"—not Federal matter (*Laughter*). Anyway, I understand that this project has been included in the First Malaysia Plan 1966-1970 by the State Government. It is not by the Federal Government, it is by the State Government. Anyway, I am also staying in Kuala Lumpur and it is as much in my interest too to see that Kuala Lumpur is free from floods.

With regard to the question about the Malacca Fish Culture Institute, I would like to clarify one error, which may exist in the mind of the Honourable Member. Actually, this Institute is not directly under our control; we just pay a yearly contribution towards the running cost of this Institute; and I have only two representatives on the Board of Governors of the Institute. In any case, wherever possible, it is our policy, of course, to see that as many local people are employed in the Institute.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, perhaps I am very ignorant still on this matter. Will the Minister kindly enlighten this House as to who controls this Research Institute. Is it controlled completely by Mat Sallehs?

Enche' Mohamed Khir Johari: It is operated by them. We give very little contribution towards the running of that Institute. Because it is almost owned and operated by them, quite

naturally they have a larger say in the running of the Institute.

There is one more point only raised by my Honourable friend from Penang Utara. I must thank the Honourable Member from Penang Utara, who spoke at length on the subject of trawling. As the Honourable Member is aware, the pilot project on trawling in Pulau Langkawi was launched in early October and one of the main objectives of the pilot project is to test the effectiveness of measures to control trawling, with a view to protecting the interests and activities of the inshore fishermen. This project has been in existence for just two months, and in any pilot project of this nature there are, quite naturally, a number of difficulties which have to be ironed out. Some of the main difficulties have been due not only to the technical problems but also to the human problems as well. Although the project was launched on 7th October, it took nearly a month for the scheme to operate smoothly, due mainly to the distance from the fishing grounds to the marketing centres in Penang; and also, unfortunately, the period during which the project was being operated happened to be a rather bad season for fishing. Because of these limitations the actual number of days for fishing in a month was limited to about 14 or 15 days only. I do not think there is any need for me to give the Honourable Member the detailed information on the number of trawler units participating, supervision, etc., as all these details were given in my press release when I launched the pilot project the other day. Moreover, from the figures quoted by the Honourable Member, I think he seems to know more about it than I do. Be that as it may, I should mention here that a period of two months during which the pilot project was operative was too short to enable me to make a proper assessment as to the performance of the boats and other factors involved. I have, therefore, decided to extend the period to enable me to make a proper assessment as to whether we could really carry on with it or we should ban trawling altogether. If we find, for example, that we are not in a position

to provide enough supervision in order to protect the interests of our inshore fishermen, we will never legalise trawling. That is one assurance I would like to give to the Honourable Member and to this House.

Enche' Geh Chong Keat: Sir, I would like the Honourable Minister to give a clarification on the form of supervision of the centralising station, and the control of transportation of those catches to Penang. As I can see it, and from the information that I have gathered from the inshore fishermen—the Honourable Minister has stated that I have got a lot of facts and I happen to know from them—it is just a case of the inshore fishermen expressing their concern over this pilot scheme, and they have requested me to convey it to the Minister and to this House. So, I hope the Minister will let us know in detail—he has stated that he is going to extend the pilot scheme for one or two months more—the form of control; for example, as I have stated before, clear identification marks for trawlers participating in the scheme and also for those transporters.

Enche' Mohamed Khir Johari: Yes, I will convey the information to the Honourable Member.

With regard to the plans of my Ministry to develop both inshore deep sea and inland fisheries, it is part of my Ministry's long-term objectives to introduce progressive and more efficient methods of fishing commensurate with the availability of trained personnel, including fishermen, to make use of the most modern methods of fishing. Fisheries development, like agricultural development, is tied up with training and one of the active measures undertaken by my Ministry is to train fishermen in the use of modern equipment, fishing gear and the use of modern fishing vessels, including technical subjects like navigation, etc. In fact, as I said just now, in addition to the two schools in Penang and Kuala Trengganu, it is my intention also to have a fishing college somewhere in Penang, so that we can give training at a higher level to our future fishermen. Moreover, my Ministry has asked the United

Nations Technical Assistance Board to provide us with a fish harbour expert, a fishing gear expert, and also experts on fish technology. At the same time, I am also studying the various projects that have been undertaken by countries like India and also Korea to improve their fishery development and arising from this I will have something more to say, perhaps, when we meet next time.

Enche' Geh Chong Keat: Sir, the Honourable Minister has not replied about violations.

Mr Chairman: The time is up.

Question put, and agreed to.

The sum of \$17,756,216 for Head S. 13 ordered to stand part of the Schedule.

House resumes.

Mr Speaker: Honourable Members, I have to report that the Committee of Supply on the Supply Bill, 1965, has progressed up to Head S. 13 of the Schedule.

ADJOURNMENT

Dato' Haji Sardon: Mr Speaker, Sir, I beg to move that this House do now adjourn.

Dr Lim Swee Aun: Sir, I beg to second the motion.

ADJOURNMENT SPEECH

PERTOLONGAN BERUPA SCHOLARSHIP KAPADA PENUNTUT² MELAYU DI- LAPANGAN PELAJARAN TINGGI DI-UNIVERSITI²

Dr Haji Megat Khas: Dato' Yang di-Pertua, Ahli² Yang Berhormat, saya suka-lah mengambil peluang di-sini untuk merayu kepada Kerajaan berkenaan dengan pertolongan² yang harus di-beri kepada penuntut² di-lapangan pelajaran tinggi, ia-itu penuntut² yang berkekeluargaan bagi memanjangkan pelajaran mereka itu di-universiti². Pada masa yang lampau, Dato' Yang di-Pertua, ada-lah kelulusan daripada tingkatan uniyersiti itu daripada segi mahasiswa

bangsa Melayu, ada-lah tersangat kurang bilangan-nya apakala kita bandingkan bilangan itu dengan bilangan² orang yang lain, ia-itu warga negara Malaysia juga yang bukan daripada keturunan Melayu. Maka di-sini saya tidak berhajat dan tidak berniat hendak berchakap apa² yang berbau, atau pun berbunyi perkauman, tetapi saya telah memerhatikan di-dalam tempoh beberapa tahun yang lalu, pendek-nya semenjak daripada mula-nya di-dirikan Universiti di-Singapura pada tahun 1949 dan juga di-dirikan Universiti di-Kuala Lumpur ini pada tahun 1959 ia-itu bilangan penuntut² Melayu di-dalam berbagai² jurusan yang telah pun di-kurniakan ijazah-nya boleh-lah di-katakan, apabila di-hetong panjang, tidak lebeh daripada 20% daripada semua mahasiswa² yang mendapat ijazah² di-universiti itu.

Satu daripada sebab² yang telah menjadikan perkara ini berlaku ia-lah kerana bentuk kedudukan iktisad orang² Melayu di-negara ini ada-lah kedudukan yang terlebih kurang daripada orang² Malaysia yang berketurunan lain daripada Melayu. Walau bagaimana sa-kali pun kita mengetahui di-dalam abad yang kedua puluh ini, ia-itu abad yang berlumba di-dalam semua segi lapangan hidup di-serata dunia, tetapi malangnya kedudukan dan taraf hidup yang di-perolehi oleh orang² Melayu ia-lah taraf yang boleh di-katakan seperti kata pepatah yang kita biasa dengar: "Kais pagi, makan pagi; kais petang, makan petang". Sa-sungguh-nya di-lapangan masyarakat orang² Melayu pada hari ini, boleh-lah kita katakan orang² yang boleh kita anggap sa-bagai yang mendapat taraf hidup yang sempurna ia-lah ada di-dalam golongan dan jawatan² Kerajaan sahaja. Sa-lain daripada itu, sa-bagaimana yang tuan² sendiri terlebih ma'alum, di-lapangan perniagaan dan perusahaan juga boleh di-katakan tenaga² daripada orang² Melayu tidak berapa berkesan pada masa yang lampau. Barangkali juga di-pantai timor perkara yang sa-macam ini tidak-lah begitu burok, kerana

ada-lah orang² Melayu di-pantai timor itu telah kita kenal sa-bagai orang² yang pandai berniaga di-dalam usaha lapangan perniagaan. Demikian juga di-dalam bahagian hartawan. Sa-lain daripada bilangan yang boleh gamak-nya kita anggap-kan, atau kita kira hetong dengan jari yang ada di-tapak tangan yang satu, barangkali tidak ada hartawan² Melayu yang boleh di-masukkan di-dalam gulungan jutawan. Maka dengan hal yang demikian, sunggoh pun pada zaman yang terakhir ini, kebolehan mempelajari ilmu di-dalam lapangan teknik, jurusan perubatan, jurutera, undang² dan sa-bagai-nya ada-lah terbuka kepada orang² Melayu, tetapi tidak dapat berkembang di-sebabkan kemiskinan bangsa itu pada keseluruhan-nya. Pendek kata, ta' usahkan hendak menghantar anak² mereka itu kepada lapangan pelajaran yang tinggi di-universiti, malahan-nya di-sekolah rendah sa-kali pun, di-sekolah menengah juga, mereka memerlukan bantuan daripada sharikat² kebajikan 'am—Pegawai² Kebajikan 'Am.

Maka dengan sebab keluaran daripada sekolah² menengah itu berkurangan, maka sudah tentu-lah yang dapat dan mampu pergi ka-universiti itu juga berkurangan.

Dato' Yang di-Pertua, kita semua mengetahui ia-itu Kerajaan telah pun sedar dan insaf di-atas perkara² yang saya sebutkan ini, kerana dengan kesedaran itu juga Kerajaan ada-lah menjalankan beberapa ranchangan dan menjalankan beberapa ikhtiar supaya membolehkan keluaran daripada sekolah² menengah di-lebuhkan untuk memasokkan ka-dalam lapangan pelajaran tinggi di-universiti, dan untuk melaksanakan tujuan Kerajaan hendak meninggikan taraf hidup dan iktisad ra'ayat jelata seluruh negara Malaysia ini termasuklah orang² Melayu—tidak pula saya napikan bahawasa-nya di-dalam bahagian pelajaran juga Kerajaan telah mengambil beberapa langkah dan telah menjalankan beberapa ranchangan supaya membolehkan universiti² kita di-isi dengan pengeluaran daripada sekolah² menengah yang telah di-diri-

kan di-beberapa tempat di-dalam negara kita.

Dato' Yang di-Pertua, kita juga mengetahui bahawasa-nya universiti kita di-Kuala Lumpur ini yang pada mula-nya telah di-anggap akan menchukupi bagi kehendak² ra'ayat dan penuntut² negeri ini sahingga pada tahun 1970 nanti, di-dalam sedikit masa lagi akan di-dapati tidak akan menchukupi bagi maksud dan tujuan itu. Daripada hari ini juga

Mr Speaker: Sudah tujuh minit setengah, time is up.

Dr Haji Megat Khas: I will take another two minutes more.

Mr Speaker: Sila, dua minit lagi.

Dr Haji Megat Khas: Jadi, tujuan saya membawa perkara ini ka-hadapan, Dato' Yang di-Pertua, dan Ahli² Yang Berhormat ia-lah satu sahaja, ia-itu berkehendakkan keluaran daripada universiti itu bersaimbangan dengan keluaran daripada warga negara yang bukan daripada bangsa Melayu. Kalau mithal-nya, kita isikan daripada mulut jentera yang ada ini 100 orang tiap² tahun dan orang² lain yang bukan Melayu itu memasokkan juga 100 orang, tentu-lah keluaran-nya pada hujung jentera itu lebeh kurang bersaimbangan, tetapi keadaan pada hari ini ia-lah 1 orang penuntut Melayu, 5 orang penuntut yang lain; bila-lah boleh sampai masa-nya yang kita boleh bersaimbangan, dan kalau sa-kira-nya kita tidak boleh bersaimbangan di-dalam 20 tahun lagi, tentu-lah macham kata sahabat kita dari Singapura, hak² yang ada pada orang² Melayu pada hari ini pun harus akan lenyap dari dunia. Jadi, dengan sebab itu, harus-lah kita memandang berat di-atas soalan ini, kerana kalau kita tidak boleh menentang soalan ini pada hari ini, bila-lah lagi masa-nya yang boleh kita hadapkan soalan ini?

Demikian-lah sahaja, Dato' Yang di-Pertua.

Enche' Mohd. Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, pehak Kementerian Pelajaran amat-lah sedar akan perkara² yang telah di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan berkeyakinan bahawa satu-nya usaha utama bagi

memperbaiki kedudukan masyarakat Melayu yang tidak seimbang di-dalam Malaysia merdeka ini ia-lah menerusi pelajaran, bahkan kita sedar benar² bahawa apa yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada-lah juga rasa kebimbangan masyarakat Melayu kesuluruhan-nya. Bersesuaian dengan Fasal 153 dalam Perlembagaan Negara kita, maka beberapa usaha dan langkah² telah di-jalankan oleh Kerajaan bagi menjamin keistimewaan orang Melayu dalam pelajaran, mithal-nya, semenjak kemerdekaan, Kerajaan telah mengadakan berbagai² usaha bagi memperbaiki dan menambah segala kemudahan² belajar kepada kanak² Melayu, bukan-lah sa-takat Sekolah Rendah, di-perbaiki keadaan perguruan-nya, alat² kelengkapan-nya, di-karang dan terbitkan buku² pelajaran yang sesuai bagi-nya dan di-perbaiki di-atas bangunan-nya sa-berapa yang boleh mengikut kemampuan kewangan. Maka pelajaran menengah pula telah di-bawa lebih hampir kepada penduduk² luar bandar dengan chara mengadakan bukan sahaja sekolah², asrama² dan kemudahan² asrama dan sa-bagai-nya, tetapi juga mengadakan dasar mendirikan Sekolah Menengah di-luar bandar dan tidak di-pekan² sahaja seperti mana yang dahulu. Ini semua sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat tentu ma'alum telah menambah bilangan kanak² Melayu di-Sekolah² Menengah. Hasil tegas daripada penambahan bilangan murid² ini-lah, sa-lama beberapa tahun, yang telah menyebabkan ada-nya lebih daripada 20% daripada penuntut Melayu yang di-kurniakan ijazah atau pun yang berada di-Universiti, di-bandingkan dengan kurang daripada 10% pada masa yang lalu. Kita tidak akan berpuas hati dengan angka 20% ini dan segala usaha akan di-jalankan bagi menambahkan lagi bilangan penuntut² Melayu dalam Universiti kita. Dalam soal ini Kerajaan kita akan menjalankan apa juga ikhtiar yang sesuai bagi menjayakan-nya.

Itu-lah sahaja, terima kaseh.

HIRE PURCHASE LEGISLATION

Enche' Lee Seck Fun (Tanjong Malim):
Mr Speaker, Sir, I was informed by the

Honourable the Minister of Commerce and Industry on the 3rd October, 1962 that there is no law in the Federation regulating hire-purchase. But I was informed by the Honourable Minister concerned on the 25th November, 1964 that his Ministry has already prepared a first draft of a Hire-Purchase Bill with the following main objectives:

- (a) Consumer protection.
- (b) The regulation of the operation of hire-purchase companies.

It was also stated that the draft Bill embodied the rule that when a hirer has paid one-half of the hire-purchase price he has the right to terminate the Agreement by giving the owner notice; and also the restriction of the owner's right to recover goods, in that, when one-third of the hire-purchase price has been paid, then unless the hirer has himself put an end to the Agreement, the owner can only recover the goods with the consent of the hirer or after having obtained an order of the Court.

No doubt, Sir, it has taken his Ministry 2 years and 22 days to get a first draft of the Hire-Purchase Bill, yet I feel that the Ministry concerned and the Attorney-General's Chambers should be congratulated for having prepared a first draft of the said Bill.

We are aware that since Malaya achieved her independence on the 31st of August, 1957 and the Federation States merged with Singapore, Sarawak and Sabah and became the Federation of Malaysia on the 16th September, 1963, many more important Bills were passed by this august House.

If one wants to buy a sewing machine, radio, television set, refrigerator, washing machine and many other household or domestic utensils, he has to pay between 25% to 45% more if he wishes to purchase such goods on hire-purchase.

If one were to buy a motor-car or motor-cycle on hire-purchase, some finance companies charge extra service charge and also "football" money. This is stated by the advertisement of Joo Lee Finance Company, Kuala Lumpur,

which appeared on page 10 of the *Malay Mail* on Tuesday, November 24, 1964.

The rate of interest charged by licensed money lenders is controlled vide the Money Lenders Ordinance, 1951 and as there is no Ordinance to control the rate of interest charged by finance companies dealing in hire-purchase transactions, more and more licensed money lenders are doing more hire-purchase business than money lending business.

However, I also wish to thank all the finance companies on behalf of the so many people who have become owners of many goods bought on hire-purchase and had it not been for these companies giving them financial assistance they would not have been able to be the owners of a number of goods which they now enjoy in their possession.

Mr Speaker, Sir, they have been given enough time and many finance companies are now very prosperous and it is now for the Government to lay the Hire-Purchase Bill before this House to protect the public as early as possible. The Honourable Minister concerned has travelled widely and is also a very capable and energetic Minister and I am sure he is more concerned than me in laying the said

Bill before the House as early as he can. Thank you.

The Minister of Commerce and Industry (Dr Lim Swee Aun): Mr Speaker, Sir, the delay in bringing this Hire-Purchase Bill to this House was primarily because when we were ready, at that time there was a big controversy in the United Kingdom which created a Commission called the Moloney Committee to go into the whole question of the Hire-Purchase Act. Since then, as the Honourable Member said, we were getting ready to bring this Bill to the House, and then in September last year Malaysia was formed. Then came the question as to whether or not we should limit this Bill to the States of Malaya or to cover the whole of Malaysia.

Mr Speaker, Sir, I regret that there has been this delay, but just now we have got a Committee consisting of representatives of the Attorney-General's Chambers, the Treasury, the Bank Negara and my Ministry who will work on this Bill again and if the co-operation of the States of Sabah, Sarawak and Singapore are given, I have no doubt that we shall be able to produce this Bill to this House at the earliest possible moment. Thank you.

Question put, and agreed to.

House adjourned at 6.50 p.m.